Sementara itu, pelajar-pelajar juga turut mempamerkan pelbagai kejayaan. Misalnya Pelajar PP Perumahan, Bangunan dan Perancangan merangkul dua hadiah utama dalam Open Ideas Competition (OIC), Langkawi Cycling and Recreational Centre (Langkawi CRC) bersempena Le Tour de Langkawi (LTdL) 2013 yang dianjurkan oleh Persatuan Keluli Struktur Malaysia dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia yang bertujuan memberikan peluang kepada para pelajar seni bina dan kejuruteraan di Malaysia untuk bekerjasama dalam merekabentuk bangunan dengan menggunakan keluli sebagai struktur dan kemasannya.

Pelajar USM turut mengungguli Novel Research & Innovation Competition (NRIC) 2013 dengan membawa pulang hadiah 6 emas, 3 perak dan 1 gangsa. Penyelidikan Ng Poh Sing—pelajar tahun akhir dari PP Sains Komputer yang bertajuk *The Eyes: Car Security System With Face Recognition* telah dinobatkan sebagai Best NRIC Award dan membawa pulang wang tunai RM5,000 serta trofi dan sijil.

Pasukan Robotic Club, Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya mengekalkan prestasi dan merangkul kejuaraan dalam Malaysia International Robotic Competition (Miroc) 2013 dengan mengekalkan penguasaan pembinaan robot untuk kategori Rope Climbing selama dua tahun berturut-turut sejak menyertai Miroc tiga tahun yang lalu.

Peristiwa

Pelbagai peristiwa penting turut dicatatkan pada tahun 2013. Hal ini termasuklah pengumuman USM dalam usaha memperkenalkan Program Zamalah Siswa APEX untuk menyetarakan bakat pelajar ijazah pertama ke peringkat antarabangsa untuk bersaing dalam pasaran terbuka. USM yang diberikan autonomi dalam memilih pelajarinya sendiri telah menerima permohonan masuk lebih daripada 25,000 calon yang berhasrat mengikuti pengajian ijazah pertama mereka di universiti ini.

Dalam aspek pembangunan pelajar pula, USM telah menggunakan konsep E-kiraan dalam proses pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) USM dan ia terbukti berjalan lancar dan menepati objektifnya untuk memudahkan proses perjalanan pilihan raya pelajar.

Sementara itu, USM bakal dilengkapi dengan kompleks sukan berbumbung dan pelbagai guna yang dikenali sebagai Azman Hashim—USM Sports Arena yang dijangka siap sepenuhnya pada penghujung 2014 dengan keluasan 54,880 kaki persegi. Kompleks ini akan menempatkan kemudahan-kemudahan seperti ruang runcit dan pejabat, Pejabat Pembangunan Insaniah USM, dewan serbaguna, gimnasium eksekutif, gelanggang permainan indoor dan sebagainya.

USM juga menerima sumbangan dana sebanyak RM4 juta daripada Toray Group (Malaysia) untuk pembinaan TORAY—USM *Knowledge Transfer Centre* yang merupakan sebuah bangunan empat tingkat di kampus induk USM dan dijangka siap pada tahun 2015. Pusat tersebut bermatlamatkan untuk mempromosi, memelihara, melindungi dan menghidupkan semula budaya, tradisi, warisan dan hal-hal lain yang berkaitan dengannya.

atau yang mungkin sudah dilupai oleh masyarakat moden pada hari ini selain menjadi Repositori Ilmu yang menyediakan pelbagai kemudahan rujukan untuk penyelidikan dan pelajar pasca siswazah.

Para pelajar dan warga USM lainnya juga turut aktif dalam aktiviti kesukarelawanan. Sebagai contoh, seramai 30 sukarelawan USM telah mengadakan Program Sukarelawan Merentasi Asia melalui usaha sama dengan National University of Laos (NUOL) dengan kerjasama Kedutaan Malaysia di LAOS. Sukarelawan USM turut membantu dalam misi kemanusiaan di Cameron Highland apabila dilanda banjir lumpur serta banjir yang berlaku di Pulau Pinang dan Terengganu.

USM turut menubuhkan Pasukan Sukarelawan MySihat yang terdiri daripada kira-kira 300 pelajar beserta duta MySihat. Pasukan ini ditubuhkan bagi menjayakan agenda MySihat apabila USM mengisytiharkan Kampus Bebas Tembakau dalam kalangan warga kampusnya. Ia juga bertindak sebagai ejen sokongan pada infrastruktur kesihatan yang boleh membantu rakyat yang seharusnya bermula pada diri sendiri di samping melahirkan kira-kira 500 duta yang terdiri daripada siswa-siswi. Di samping itu, duta-duta ini juga berfungsi untuk mempromosikan program kesihatan dalam kalangan masyarakat dengan menjalani latihan yang komprehensif. Apabila mereka tamat pengajian, mereka boleh ditauliahkan untuk menjalankan aktiviti mempromosikan kesihatan bukan sahaja dalam hal-hal bebas tembakau tetapi juga dalam bidang-bidang lain dengan bantuan Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia (MySihat), Kementerian Kesihatan Malaysia.

Kesemua kejayaan dan peristiwa yang disebutkan di atas hanyalah sebilangan kecil daripada keseluruhan kecemerlangan yang telah dicapai oleh semua pihak di USM. USM sentiasa komited meneruskan kecemerlangan baik pada peringkat akademik mahupun pada peringkat pembangunan warganya termasuk staf dan para pelajar yang menjadi denyut nadi pada sesebuah universiti.

Penutup

Penzahiran kecemerlangan melalui proses pendidikan yang berlaku dan akan dilakukan perlu bersifat menyeluruh dan holistik dengan ekosfera yang saling berkaitan antara satu sama lain melalui pembangunan organisasi yang lebih menyeluruh dan menekankan pembangunan insan sebagai suatu mekanisme penting dalam kecemerlangan sesebuah organisasi. Ekologi ini tidak harus dilihat secara terpisah tetapi sebaliknya perlu menjadi satu sinergi bersama kekuatan ilmu dan sumber manusia yang berteraskan nilai-nilai yang jelas yang disokong juga oleh teras, tonggak, visi dan misi serta prinsip yang dapat dilaksanakan secara realistik. Kombinasi yang bersepadu ini pada akhirnya dapat menjadikan proses pendidikan sebagai sesuatu yang cukup dinamik dan membantu dalam melakukan perubahan seiring dengan perkembangan masa.

USM melangkah gagah mencapai aspirasi APEX Fasa 2 dan meneruskan moto Kami Memimpin untuk menterjemahkan BUKU 2013. Warga USM bekerja dalam semangat keterangkuman, kelestarian dan kecemerlangan sebagai asas yang berteraskan "Kami Sayang akan USM" yang sebenarnya bermula pada "Saya Sayang akan USM".

Akhir kata diucapkan ribuan terima kasih kepada semua warga kampus USM yang secara jujur dan ikhlas bersama-sama meletakkan harapan yang tinggi pada perjuangan pendidikan APEX ini. Semoga semua hal ini akan mendapat restu, keberkatan dan kerahmatan daripadanya supaya kita sama-sama dapat meneruskan perjuangan ini sebagai salah satu amanah yang tiada tolok bandingnya pada masa depan, malah berupaya untuk mengubah lanskap pengajian tinggi negara dan dunia keseluruhannya.



LAPORAN

HAL EHWAL AKADEMIK

Pengenalan

Universiti telah melalui proses penilaian semula semua program akademik yang ditawarkan. Pusat Kualiti bersama penilai yang dilantik memainkan peranan dalam pengauditan program secara dalaman. Pusat Kecemerlangan Akademik & Penasihat dan Pembangunan Pelajar telah memberikan tumpuan terhadap kecemerlangan penyampaian program akademik melalui peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran.

USM telah berjaya menawarkan program Sarjana Komunikasi–Komunikasi Pemasaran Bersepadu (*Masters of Communication–Integrated Marketing Communication*) dengan menubuhkan IPSUSM@KL.

Semua program akademik USM telah melalui proses Semakan Kurikulum dengan menepati keperluan *Malaysian Qualifications Framework* (MQF) serta badan profesional berkaitan.

Pembangunan dan Kecemerlangan Akademik

Pelbagai aktiviti telah dilaksanakan oleh Pusat Kecemerlangan Akademik & Penasihat dan Pembangunan Pelajar (*Centre for Academic Excellence and Student Advisory & Development [CDAE]*) sepanjang tahun 2013 yang menyasarkan peningkatan kualiti pengajaran dan pembelajaran untuk meningkatkan kecemerlangan akademik di USM.

Seminar Tahunan Ke-3 Pengajaran dan Pembelajaran yang berlangsung pada 31 Oktober 2013 telah dihadiri oleh 250 pensyarah dari dalam dan luar USM. Tema yang diketengahkan pada kali ini ialah “*A New Culture of Learning and Teaching.*”

CDAE juga telah menganjurkan lebih daripada 50 bengkel e-pembelajaran di ketiga-tiga kampus. Bengkel e-pembelajaran yang diadakan memberi fokus kepada *Learning Management System* (Elearn@USM) yang menggunakan *Moodle* untuk membangunkan kandungan kursus yang merangkumi bahan dan aktiviti pembelajaran.



Penawaran Program Baharu

Program akademik baharu yang diluluskan oleh Senat dan Lembaga Gabenor Universiti dalam tahun 2013 adalah seperti berikut:

Bil.	Program	Mod Pengajian	Pusat Pengajian
1.	Sarjana Sains (Kejuruteraan Mikroelektronik) <i>Masters of Science (Microelectronic Engineering)</i>	Mod Campuran	Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik
2.	Sarjana Sains (Kejuruteraan Internet) <i>Masters of Science (Internet Engineering)</i>	Mod Campuran	Pusat IPv6 Termaju Negara
3.	Sarjana Sains (Bioperubatan) <i>Masters of Science (Biomedicine)</i>	Mod Campuran	Pusat Pengajian Sains Kesihatan
4.	Sarjana Sastera (Pendidikan) <i>Masters of Arts (Education)</i>	Mod Campuran	Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan
5.	Sarjana Amalan Pembangunan Lestari <i>Masters in Sustainable Development Practice</i>	Mod Kerja Kursus	Pusat Kajian Kelestarian Global
6.	Sarjana Sains (Kelestarian) <i>Masters of Science Sustainability</i>	Mod Penyelidikan	Pusat Kajian Kelestarian Global
7.	Sarjana Sastera (Kelestarian) <i>Masters of Arts (Sustainability)</i>	Mod Penyelidikan	Pusat Kajian Kelestarian Global
8.	Sarjana Sains (Gaya Hidup Sihat) <i>Masters of Science (Lifestyle Science)</i>	Mod Penyelidikan	Institut Perubatan dan Pergigian Termaju
9.	Doktor Falsafah <i>Doctor of Philosophy</i> - Dalam bidang Kelestarian - Dalam bidang Gaya Hidup Sihat	Mod Penyelidikan	Institut Perubatan & Pergigian Termaju
10.	Pakej Minor bagi Program Teknologi Persekitaran	Pakej Minor Baharu	Pusat Pengajian Teknologi Industri
11.	Pakej Minor Bahasa Perancis	Pakej Minor Baharu	Pusat Pengaji Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan

Seramai 6,504 pelajar pra-siswazah telah mendaftar untuk pengambilan Sidang Akademik 2013/2014 yang terdiri dari pelajar penuh masa dan pelajar jarak jauh. Seramai 108 pelajar lagi telah mendaftar untuk program Diploma Kejururawatan dan 29 pelajar lepasan SPM juga dipilih untuk mengikuti program Pra-U USM Cemerlang pada tahun 2013.

Pada tahun 2013, Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) bersetuju untuk melaksanakan mekanisme mod kemasukan baharu bagi isi rumah 40% terendah (*bottom 40% household*) ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk pelajar yang tercicir melalui sistem pemilihan berasaskan prinsip meritokrasi. Universiti telah menerima 16 orang pelajar di bawah mekanisme ini.

Pelaksanaan mekanisme mod kemasukan baharu ini melibatkan pelajar daripada golongan yang kurang berkemampuan daripada aspek sosioekonomi serta kurang mendapat peluang dan kemudahan yang disediakan oleh kerajaan. Mekanisme mod kemasukan baharu ini adalah sebahagian daripada agenda *Corporate Social Responsibility (CSR)* dalam memberi ruang dan peluang kepada pelajar berkaitan melanjutkan pengajian ke peringkat yang lebih tinggi.

Enrolmen Pelajar

Jumlah enrolmen pelajar pada 2013 ialah seramai 34,341 orang. Dari jumlah tersebut seramai 22,411 mengikuti pengajian pada peringkat ijazah Sarjana Muda, 11,138 orang pada peringkat Ijazah Tinggi, 260 orang pelajar peringkat Diploma dan 532 orang pelajar tanpa ijazah.

Peringkat Pengajian	Kampus			Jumlah
	Induk	Kesihatan	Kejuruteraan	
Ijazah Kedoktoran	3,258	219	631	4,108
Sarjana	4,808	1,503	719	7,030
Ijazah Sarjana Muda (Penuh Masa)	9,430	2,655	2,204	14,289
Ijazah Sarjana Muda (Jarak Jauh)	8,122			8,122
Diploma		260		260
Pengajian Tanpa Ijazah (termasuk Skim Pertukaran Pelajar)	532			532
Jumlah	26,150	4,637	3,554	34,341

Pelajar Berijazah

Seramai 6,402 orang pelajar telah berijazah pada 2013 pada Upacara Konvokesyen ke-47 yang berlangsung pada 13 April 2013 dan Upacara Konvokesyen ke-48 yang berlangsung pada 19 hingga 23 September 2013.

Peringkat Pengajian	Kampus			Jumlah
	Induk	Kesihatan	Kejuruteraan	
Ijazah Kedoktoran	274	14	88	376
Sarjana	1,103	249	204	1,556
Ijazah Sarjana Muda	3,030	447	479	3,956
Ijazah Sarjana Muda (Program Ijazah Luaran)	89			89
Diploma Lulusan Ijazah	350			350
Diploma		75		75
Jumlah	4,846	785	771	6,402

Program Usahasama Akademik

Dalam usaha melebarkan peluang pendidikan tinggi, USM telah meneruskan kerjasama dengan Institusi Pengajian Tinggi Swasta (IPTS), Kolej Pengurusan ASTIN dan Kolej KDU dengan menawarkan program Sarjana Muda Pengurusan.

Seramai 89 pelajar yang mengikuti pengajian di bawah program usaha sama akademik ini telah berijazah pada tahun ini.

Syarahhan Umum

Dalam usaha menyemarakkan ilmu pengetahuan, USM telah menjemput tokoh berikut bagi menyampaikan Syarahhan Umum Kebangsaan.

Tokoh	Tajuk Syarahan	Tarikh
Y.Bhg. Dato' Zuraidah Atan Ahli Lembaga Gabenor Universiti	Women's Way of Knowing: Mobilising for a Better Malaysia. A Sharing of Experiences.	3 Oktober
YDH Tan Sri Dato' Sri Khalid Abu Bakar Ketua Polis Negara	Futuristic Policing: The Direction of Polis Diraja Malaysia in the Context of Vision 2020	11 November

Di samping itu, seramai lapan orang ahli akademik telah menyampaikan Syarahhan Umum Pelantikan Profesor seperti berikut:

Bil.	Nama / Pusat Pengajian	Tajuk Syarahan	Tarikh
1.	Prof. Dr. Mustafa Musa Pusat Pengajian Sains Kesihatan	Mekanisme Imun Umpama Pedang Dua Mata	27 Januari
2.	Prof. Dr. Dinsuhaimi Sidek Pusat Pengajian Sains Kesihatan	Mengarusperdanakan Pendidikan Anak Bermasalah Pendengaran: Antara Cabaran dan Harapan	27 Januari
3.	Prof. Ir. Dr. Azlin Md. Said Pusat Pengajian Kejuruteraan Awam	Aplikasi Teknologi Penderiaan Jauh dan Sistem Maklumat Geografi untuk Kelestarian Pembangunan Sumber Air	6 Mac
4.	Prof. Dr. K. Sudesh Kumar Pusat Pengajian Sains Kaji hayat	Plastik Mesra Alam Hasil Mikrob	30 Ogos
5.	Prof. Dr. Kamarulzaman Askandar Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan	Peranan REPUSM dalam Pembinaan Pendamaian dan Transformasi Konflik di Aceh, Mindanao dan Patani	20 September
6.	Prof. Dr. Zilfalil Atwi Pusat Pengajian Sains Perubatan	Merungkai Rahsia DNA: Implikasi kepada Pewarisan dan Penyakit	10 November
7.	Prof. Dr. Julaihi Wahid Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan dan Perancangan	Urbanisasi dan Perumahan di Malaysia	27 November
8.	Prof. Dr. Nurulazam Md Zain Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan	Kongruen Pengajaran Membantu Pelajar Melintasi Sempadan Sains Barat	10 Disember

Program Mobiliti Pelajar

Terdapat beberapa program yang dilaksanakan di bawah program mobiliti pelajar yang disertai oleh pelajar USM dan pelajar antarabangsa yang hadir ke USM. Antaranya ialah; Program Pertukaran Pelajar, Program Latihan Praktikal/Sandaran, Program Jangka Pendek dan *Summer Programme*.

Sepanjang tahun 2013, seramai 1,085 orang pelajar USM telah terlibat dengan program mobiliti pelajar ke luar negara dan seramai 895 orang pelajar antarabangsa terlibat dengan program tersebut di USM.



Program Kursus Jangka Pendek

Universiti telah melaksanakan program kursus jangka pendek yang dipohon khas oleh organisasi antarabangsa seperti berikut:

Universiti	Nama Program	Tarikh Program
Nihon Fukushi University, Jepun	Malaysia Study Visit Programme	16 Februari–3 Mac 2013
Ritsumeikan University, Jepun	Malaysia Study Visit Programme	1–5 September 2013
University of South Florida, Amerika Syarikat	Public Health Programme	23 Jun–17 Julai 2013
Walailak University, Thailand	Malaysia Study Visit Programme	25–30 Ogos 2013
Keele University, United Kingdom	Prime Minister Initiative Programme	Jun–Ogos 2013

Pengurusan Akademik

Jabatan Pendaftar menerusi Bahagian Pengurusan Akademik (BPA) bertanggungjawab dalam pengurusan akademik. Sepanjang tahun 2013, beberapa aktiviti dan penambahbaikan telah diusahakan oleh BPA dalam pemantapan pengurusan akademik universiti. Antaranya ialah:

a. Pendigitalan Rekod Pelajar

Selaras dengan proses transformasi dan ke arah pengurusan yang lebih lestari, Seksyen Data dan Rekod Pelajar (SDRP) telah melaksanakan proses pendigitalan dokumen pelajar dan graduan. Penyimpanan rekod secara digital ini berupaya menjimatkan ruang, kos yang lebih efektif dan juga proses kerja yang lebih efisien.

b. Kajian Semula Dasar Pengambilan Pelajar

Bengkel Kajian Semula Dasar Pengambilan Pelajar yang diadakan pada 13 dan 14 November 2013 melibatkan Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), 6 Ahli Senat, Dekan dan Timbalan Dekan Pusat-pusat Pengajian. Fokus utama bengkel adalah:

- i. Penetapan Dasar Utama Pengambilan Pelajar
- ii. Penstrukturan Semula Saluran Kemasukan
- iii. Penetapan Ujian Khas *Malaysian University Selection Inventory* (MUnSyl) dan Pelaksanaan Ujian *Malaysian Education Selection Inventory* (MEdSI)
- iv. *Malaysian University English Test* (MUET)
- v. Semakan Semula Syarat Am dan Syarat Khas Kemasukan Mengikut Kluster Pusat Pengajian
- vi. Pemantapan Dasar-dasar Berkaitan Pengambilan dan Kemasukan Pelajar meliputi:
 - a. Pertukaran Universiti
 - b. Pertukaran Rancangan Pengajian
 - c. Pengecualian Unit
 - d. Pemindahan Kredit
 - e. Penangguhan Pendaftaran

Pindaan dan penambahbaikan dasar-dasar dan peraturan-peraturan berkaitan pengambilan pelajar yang dibuat semasa Bengkel Pemantapan Dasar Pengambilan Pelajar telah diperhalusi mengikut keperluan semasa dan diguna pakai mulai Sidang Akademik 2014/2015.

c. Penambahbaikan Pelaksanaan Peperiksaan Pelajar Kelainan Upaya (Cacat Penglihatan)

Penggunaan komputer khas dengan bantuan perisian JAWS dalam bentuk perisian MS Word sepenuhnya bagi pelajar kelainan upaya (cacat penglihatan) dalam peperiksaan bagi menggantikan sistem Braille. Hasilnya, kualiti perkhidmatan peperiksaan dapat ditingkatkan di mana proses menulis–pindah skrip jawapan Braille ke teks dapat dipendekkan. Skrip jawapan pelajar dapat terus dicetak pada penghujung masa peperiksaan untuk pemeriksa. Ini juga dapat menyediakan asas atau platform bagi pembangunan sistem pentadbiran berasaskan ICT.

d. Sistem e-Senat

Seksyen Senat telah melaksanakan sistem pengurusan dokumen secara atas talian yang berfungsi untuk menyimpan dan menguruskan semua bentuk maklumat dalam bentuk digital serta memudahkan pencapaian semula maklumat.

e. Program Pra Universiti USM

Seramai 29 calon Skim Pelajar Cemerlang MARA yang terpilih mengikut Program Pra-U USM Cemerlang di Kolej MARA, Kulim telah berjaya menamatkan pengajian telah diterima melanjutkan pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda pada Sidang Akademik 2013/2014 di USM.

Manakala bagi Program Pra-U USM seramai 98 pelajar telah mendaftar pada 2013 bagi mengikut program ini.

f. Pengurusan Pengambilan Pelajar Malaysia Dari Universiti Di Mesir

Pada tahun 2013, Universiti Sains Malaysia berserta IPTA yang lain turut terlibat dalam membantu kerajaan menangani permasalahan pelajar perubatan dari Malaysia yang belajar di Mesir kerana berlakunya rusuhan akibat krisis politik di Mesir.

Universiti Sains Malaysia telah menawarkan tempat untuk program perubatan USM-KLE di Belgaum, India kepada pelajar-pelajar tersebut. Pengambilan pelajar tersebut ialah secara konsep paralel 'minus-one'.

Seramai 98 orang pelajar telah mendaftar bagi menyambung pengajian mereka terdiri daripada seramai 28 orang pelajar tahun satu, 37 orang pelajar tahun dua, 28 orang pelajar tahun tiga dan lima orang pelajar tahun empat.

Rumusan

Universiti sentiasa memberi tumpuan terhadap kecemerlangan dan kualiti akademik yang ditawarkan. Program pengajian yang ditawarkan melalui proses akreditasi yang ketat dan dinilai oleh penilai luar sama ada daripada ahli akademik tempatan dan antarabangsa dan pihak-pihak yang berkepentingan seperti industri dan badan profesional.





LAPORAN

**PENYELIDIKAN DAN
INOVASI**

Pengenalan

Penyelidikan dan Inovasi terus dipacu bagi tahun 2013. Kejayaan mendapatkan jumlah dana luar yang besar dan meningkatnya jumlah geran penyelidikan yang diterima menjadi penanda aras bahawa penyelidikan di USM berada pada landasan yang betul.

Pencapaian

Para penyelidik USM telah berusaha dan berjaya memperoleh geran-geran dari agensi-agensi luar sama ada pada peringkat kebangsaan ataupun luar negara sepanjang tahun 2013. Hal ini menunjukkan bahawa para penyelidik dan penyelidikan yang dihasilkan oleh USM diiktiraf dan diterima hasilnya pada peringkat dunia. Pada tahun 2013 sahaja, USM berjaya memperoleh sebanyak 76 geran penyelidikan baharu dari agensi luar dan 21 daripadanya merupakan geran penyelidikan baharu yang diterima dari luar negara.

Para penyelidik juga telah berjaya menjalinkan kolaboratif dalam bidang penyelidikan, membina rangkaian kerjasama serantau dan antarabangsa dalam usaha menjalankan bidang penyelidikan baharu. Antara rakan kolaborasi USM adalah *Nippon Sheets Glass Foundation*, *RIKEN*, *ISESCO*, *Imperial College*, *Cardiff University*, *Nancy University*, *Toyohashi University of Tokyo*, *Universities de Lorraine*, *Finley Institute* dan banyak lagi. Pencapaian dalam bidang penyelidikan dan juga penerbitan telah berjaya meletakkan nama USM dalam peta antarabangsa.

Sepanjang tahun 2013 juga, sebanyak tujuh paten telah diperoleh oleh USM dan 15 lagi masih pada peringkat *'filed & pending'*. Tujuh produk yang lain juga telah difailkan untuk mendapatkan cap dagang dan lima produk lagi telah didaftarkan untuk tujuan tersebut. Banyak lagi senarai produk yang telah dikenal pasti bagi proses rundingan untuk tujuan kolaboratif yang berpontesi untuk dikomersilkan.

Dalam usaha untuk memantapkan dan mempercepat pengurusan geran di USM, Pejabat Pengurusan Penyelidikan & Kreativiti Penyelidikan (RCMO) telah distrukturkan semula. Usaha dan langkah-langkah *empowerment* juga telah diambil untuk membolehkan para penyelidik menguruskan secara sendiri geran-geran penyelidikan mereka tanpa banyak melibatkan RCMO. Penubuhan Pusat-Pusat Inisiatif Penyelidikan (CRI) adalah sebagai usaha mencari dan meneroka bidang-bidang penyelidikan baharu yang berpotensi untuk dibangunkan dan menjadi *'niche area'* baharu yang akhirnya mampu berkembang menjadi Pusat Kecemerlangan pada suatu hari nanti.

Geran Penyelidikan

a. Geran Dalam Universiti

Bagi geran dalaman universiti, terdapat 2,226 projek penyelidikan yang aktif dalam tempoh Januari hingga Disember 2013. Daripada jumlah tersebut sebanyak 425 merupakan projek baharu yang bernilai RM15,956,850.36, manakala 539 merupakan projek sambungan yang menerima peruntukan pada tahun 2013 yang bernilai RM23,019,507.51. Baki sebanyak 1,262 projek lagi merupakan projek yang masih aktif walaupun tidak menerima apa-apa peruntukan sepanjang tahun 2013.

Secara keseluruhannya bagi geran dalaman, jumlah pembiayaan yang diterima pada tahun 2013 ialah sebanyak RM38,976,357.87 jika dibandingkan dengan pada tahun 2012 sebanyak RM39,699,149.86

Bilangan projek dan jumlah pembiayaan bagi geran dalaman universiti pada tahun 2013 adalah seperti yang di bawah:

Geran	Jenis Geran	Projek Aktif Dalam Tempoh	Projek Penyelidikan Aktif Yang Menerima Agihan Peruntukan (RM) Bagi Tahun 2013					
			Projek Baharu		Projek Sambungan		Keseluruhan	
			Bilangan Projek	Peruntukan (RM)	Bilangan Projek	Peruntukan (RM)	Jumlah Projek	Jumlah Peruntukan (RM)
			(A)	(B)	(C)	(D)	(A+C)	(B+D)
Dalam	a. Insentif	155	6	25,000.00	0	0.00	6	25,000.00
	b. IREC	12	12	1,224,198.68	0	0.00	12	1,224,198.68
	c. USM Jangka Pendek	659	86	2,065,206.20	154	2,146,119.26	240	4,211,325.46
	d. RUI	554	102	7,715,850.91	231	12,856,005.74	332	20,571,856.65
	e. RUT	21	7	2,151,615.30	9	1,716,912.00	14	3,868,527.30
	f. RUC - <i>Kluster</i>	6	0	0.00	5	784,910.48	5	784,910.48
	g. RU Top-Down	6	1	1,000,000.00	4	580,500.00	5	1,580,500.00
	h. DE	42	4	144,777.50	37	4,502,862.06	41	4,647,639.56
	i. Dana Inovasi Awal	19	14	690,571.60	0	0.00	14	690,571.60
	j. PG RESEARCH GRANT SCHEME	752	193	939,630.17	99	432,197.97	292	1,371,828.14
Jumlah		2,226	425	15,956,850.36	539	23,019,507.51	964	38,976,357.87

b. Geran Agensi Luar

USM sentiasa memberikan penekanan dan galakan kepada para penyelidik untuk mendapatkan pembiayaan geran dari sumber luar. Hal ini akan dapat mengurangkan pergantungan penyelidik USM mendapatkan pembiayaan dari sumber dalaman universiti yang terhad.

Pada tahun 2013, USM telah menerima sebanyak 76 geran penyelidikan baharu dari agensi luar. Daripada jumlah tersebut pihak USM telah menerima sebanyak 55 geran dari dalam negara dengan peruntukan keseluruhan berjumlah RM5.58 juta. Antara agensi luar yang menjadi pembiaya utama adalah antaranya syarikat GLC, swasta seperti Tenaga Nasional Berhad, Institut Penilaian Negara (INSPEN), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), *Collaborative Research in Engineering, Science & Technology Centre (CREST)*, *Texchem Food Sdn. Bhd.*, *Precise Geospatial Surveys Sdn. Bhd* dan pihak agensi kerajaan seperti Lembaga Kemajuan Wilayah Pulau Pinang (PERDA), dan Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani (MOA).

Penyelidik USM juga telah berjaya mendapatkan geran dari luar negara dan sebagai hasilnya mereka dapat menjalinkan kerjasama penyelidikan dengan universiti, syarikat dan NGO pada peringkat antarabangsa. Sebanyak 21 geran penyelidikan baharu luar negara telah ditawarkan kepada penyelidik USM dengan jumlah kelulusan sebanyak RM1.42 juta. Agensi luar yang telah menjalinkan kerjasama penyelidikan dengan USM pada peringkat antarabangsa adalah seperti dari *Yale University USA*, *United Nations University (UNU)*, *Reckitt Benkiser Pharmaceutical Ltd. United Kingdom* dan *Sumitomo Rubber Industries LTD. (SRI)*.

Bagi geran *Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)*, para penyelidik USM berjaya memperoleh sebanyak 143 projek baharu dengan peruntukan sejumlah RM9,144,146.07 dan sebanyak 50 projek sambungan dengan peruntukan yang diterima bernilai RM1,641,642.24 pada tahun 2013. Jumlah ini meningkat berbanding pada tahun 2012 yang menunjukkan USM berjaya memperoleh 52 projek baharu dengan peruntukan sejumlah RM2,747,015.76.

Bilangan projek baharu bagi geran *Prototype Research Grant Scheme (PRGS-KPT)* meningkat kepada sembilan projek berbanding hanya lima projek pada tahun 2012. Daripada sembilan projek berkenaan, sejumlah RM1,213,782.00 peruntukan telah disalurkan pada tahun 2013.

Secara keseluruhannya geran agensi luar yang baharu ialah sebanyak 287 projek dan peruntukan yang diterima pada tahun 2013 ialah sejumlah RM18,777,033.04. Oleh itu, secara keseluruhannya Projek Penyelidikan agensi luar pada tahun 2013 termasuk 198 projek sambungan ialah sebanyak 485 projek dengan peruntukan sejumlah RM33,476,737.45.

Geran	Jenis Geran	Projek Aktif Dalam Tempoh	Projek Penyelidikan Aktif Yang Menerima Agihan Peruntukan (RM) Bagi Tahun 2013					
			Projek Baru		Projek Sambungan		Keseluruhan	
			Bilangan Projek	Peruntukan (RM)	Bilangan Projek	Peruntukan (RM)	Jumlah Projek	Jumlah Peruntukan (RM)
			(A)	(B)	(C)	(D)	(A+C)	(B+D)
Agensi Luar	a. Agensi Luar	278	76	4,758,318.95	67	4,048,838.95	143	8,807,157.90
	– Agensi Luar (Kerajaan)	90	27	1,921,545.18	14	1,426,720.89	41	3,348,266.07
	– Agensi Luar (Swasta)	77	28	1,460,390.68	19	923,694.57	47	2,384,085.25
	– Agensi Luar (Antarabangsa)	111	21	1,376,383.09	34	1,698,423.49	55	3,074,806.58
	b. Fundamental Research Grant Scheme (FRGS)	329	143	9,144,146.07	50	1,641,642.24	193	10,785,788.31
	c. Exploratory Research Grant Scheme (ERGS)	140	47	2,391,030.02	35	1,182,710.00	82	3,573,740.02
	d. Prototype Research Grant Scheme (PRGS-KPT)	18	9	1,213,782.00	5	279,569.00	14	1,493,351.00
	e. Long Term Research Grant Scheme (LRGS) - Kluster	8	3	379,063.00	19	5,764,124.22	22	6,143,187.22
	f. SCIENCEFUND	45	9	890,693.00	22	1,782,820.00	31	2,673,513.00
	Jumlah		818	287	18,777,033.04	198	14,699,704.41	485
Jumlah Keseluruhan Geran Dalam & Luaran		3,044	712	34,733,883.40	737	37,719,211.92	1,449	72,453,095.32

Nota: Projek Baharu – Projek yang bermula pada tahun 2013
 Projek Sambungan – Projek yang bermula sebelum tahun 2013



8 Feb 2013 – Harian Metro

Agihan Bajet Universiti Penyelidikan dan Universiti Berstatus APEX

Universiti telah menyalurkan sebanyak RM40,500,000.00 daripada bajet Universiti Penyelidikan dan Universiti APEX untuk program penyelidikan dan inovasi pada tahun 2013. Sebanyak RM16,000,000.00 diperuntukkan sebagai geran Universiti Penyelidikan Individu (RUI) dengan nilai maksimum sebanyak RM100,000.00 setiap geran. Sebanyak RM5,000,000.00 telah diperuntukkan sebagai geran Universiti Penyelidikan Kumpulan (RUT) dengan nilai maksimum sebanyak RM500,000.00.

Secara keseluruhannya, sebahagian besar bajet Universiti Penyelidikan diperuntukkan untuk aktiviti penyelidikan iaitu sebanyak RM34,800,000.00 dan selebihnya adalah untuk penyediaan bakat, kemudahan dan peralatan.

Universiti juga telah memperuntukkan RM8,500,000.00 daripada peruntukan universiti yang berstatus APEX. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM5,000,000.00 telah disalurkan bagi penyediaan kemudahan dan peralatan dan selebihnya adalah untuk jaringan kolaboratif penyelidikan antarabangsa dan peningkatan program bakat.

Persidangan Luar Negara

Staf boleh dibiayai untuk menghadiri persidangan luar negara melalui Tabung Persidangan Luar Negara (TPLN), menggunakan peruntukan Universiti Penyelidikan dan geran penyelidikan masing-masing.

Namun begitu, peruntukan dari Tabung Persidangan pada tahun 2013 adalah sangat terhad. Bahagian ini hanya menerima peruntukan sebanyak RM249,530.20 pada tahun lalu. Oleh itu, keutamaan pembiayaan akan diberikan kepada staf yang baharu berkhidmat dan masih belum pernah menggunakan peruntukan dari sumber ini dan staf hendaklah membentangkan kertas kerja dalam persidangan tersebut. Tambahan peruntukan sebanyak RM1,500,000.00 diperuntukkan daripada bajet Universiti Penyelidikan. Bagi penyelidik senior yang



Universiti Sains Malaysia vice-chancellor Professor Datuk Omar Osman (third from left) with the gold and silver medal award winners in the recent International Invention, Innovation and Technology Exhibition 2013.

USM bags 13 gold, 2 silver at invention expo

INNOVATIVE: New method to tackle global oil spills among medal winners

LOOI SUE-CHERN
GEORGE TOWN
news@nst.com.my

UNIVERSITI Sains Malaysia (USM) recorded a 100 per cent medal haul at the recent International Invention, Innovation and Technology Exhibition (ITEX) 2013 in Kuala Lumpur, winning 13 gold and two silver medals for its 15 entries. Gold medal winner Professor Hanafi Ismail and his co-researcher Indrajit Rathnaye also won a special Korean award for Best Invention for their "r-RubFoam", a new solution to tackle global oil spills.

Hanafi, who is USM's dean of the Materials and Mineral Resources Engineering School, said the rubber-made invention, which costs RM10 per kg, would soak up spill oil without sucking up water, and could be easily retrieved from the water's surface, pressed to squeeze out the oil and reused up to 10 times.

After that, the foam could be turned into a fuel source for the palm oil industry.

"It took three years to develop this invention. A local company here has expressed interest in it," he said at the university yesterday.

Another winning invention is the "Grammar Assessment System" (GrAMS) by Professor Abdul Rashid Mohamed, Dr Lin Siew Eng and Associate Professor Shaikh Abdul Malik Mohamed Ismail from the Educational Studies School.

GrAMS is a computerised system that evaluates the English grammar skills of students

in Form One until Form Six, informing teachers exactly how proficient the individual student is in the language, as well as pinpointing his or her strengths and weaknesses.

Rashid said it came with an online and repository system that generated different sets of tests, designed according to the Malaysian English language syllabus in schools.

"This is a timely invention with the government putting emphasis on the English language. With the Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) and Penilaian Menengah Rendah (PMR) scrapped, we believe the Education Ministry will need a standard mechanism to effectively evaluate the mastery of the language by students nationwide."

Rashid said the system, which could also be applied to assess how students fare in Bahasa Malaysia, Mandarin, Tamil and other subjects, including Mathematics, had also generated interest in Indonesia, Maldives and Bangladesh.

Other inventions which won gold medals at the exhibition included the "BAL EX Zuraida-Shah Rotatory Chair", which can be used to diagnose patients with prevalent diseases like balance disorders, by Dr Zuraida Zainun from the Health Sciences School; the "Porcine DNA detection kit" by Associate Professor Dr Tang Thean Hock from USM's Advanced Medical and Dental Institute; and the "Eco-friendly and User-friendly Lipase Assay Kit" by Professor K. Sudesh Kumar from the Biological Sciences

School.

Vice-chancellor Professor Datuk Omar Osman, who congratulated the USM team for their outstanding performance at the exhibition this year, said the university was encouraging more lecturers to further develop their research products for commercialisation.

"For the last six years, USM's commercialised products had generated an income of over RMS million," he said.

"For the last six years, USM's commercialised products had generated an income of over RMS million." Professor Datuk Omar Osman vice-chancellor

14 Mei 2013 – New Straits Times

mempunyai geran, mereka perlulah menggunakan geran penyelidikan masing-masing.

Sebanyak RM827,611.17 telah dibelanjakan oleh seramai 99 penyelidik untuk menghadiri persidangan luar negara sepanjang tahun 2013 menggunakan peruntukan universiti. Manakala seramai 534 penyelidik lagi telah menghadiri persidangan luar negara dengan menggunakan geran penyelidikan masing-masing. Secara keseluruhannya, seramai 633 penyelidik telah menghadiri persidangan luar negara pada tahun 2013.

Inovasi dan Pengkomersilan

Harta Intelekt

Senarai berikut merupakan statistik berdasarkan Pusat Pengajian bagi paten yang telah difailkan, dan telah dianugerahkan pada tahun 2013.

Bil.	PTJ/Status	Filed & Pending	Telah Dianugerahkan
1	Pusat Pengajian Sains Kajihayat	4	2
2	Pusat Pengajian Sains Kimia	1	
3	Pusat Pengajian Perumahan, Bangunan & Perancangan	1	
4	Pusat Pengajian Sains Farmasi	2	1
5	Pusat IPv6 Termaju Negara	1	1
6	Pusat Pengajian Teknologi Industri	2	
7	Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik & Elektronik	2	
8	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral	1	
9	Pusat Pengajian Sains Perubatan	1	
10	Institut Penyelidikan & Perubatan Molekul		2
11	Pusat Pengajian Kejuruteraan Mekanikal		1
Jumlah		15	7

Cap Dagang / Trademark

Pada tahun 2013, sebanyak enam (6) produk inovasi telah berjaya didaftarkan cap dagangannya. Cap dagangan tersebut masing-masing telah dianugerahkan di bawah kelas 9, 10, 41, 42 dan 44 yang terdiri daripada hasil penyelidikan dari Pusat Pengajian Sains Komputer, Pusat Pengajian Sains Kesihatan, Pusat IPv6 Termaju Negara dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral. Maklumat terperinci cap dagangan yang telah didaftarkan pada tahun 2013 adalah seperti jadual di bawah.

Bil.	Tajuk Cap Dagang	Kelas	Nama Penyelidik	Pusat Pengajian / Pusat
1	ENDEAVOR	9	Dhanesh Ramachandram, Mandava Rajeswari	Pusat Pengajian Sains Komputer
2	ENDEAVOR	42	Dhanesh Ramachandram, Mandava Rajeswari	Pusat Pengajian Sains Komputer
3	REKAGRAF	10	Radzali Othman	Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan & Sumber Mineral
4	CNP6	41	Sureswaran Ramadass	Pusat IPv6 Termaju Negara (NAV6)
5	CSE6	41	Sureswaran Ramadass	Pusat IPv6 Termaju Negara (NAV6)
6	BALEX	44	Zuraida Zainun	Pusat Pengajian Sains Kesihatan

Pengkomersilan

Pada 2013, penyelidik USM aktif dalam usaha pengkomersilan dan antara projek penyelidikan yang terlibat dalam perundingan dan berpotensi untuk dikomersilkan adalah seperti berikut:

- AMMIBA Ecomat
- S. Typhi
- EcoClay
- Bistea
- Asper Smile Mouthwash
- My Dental Bib
- Nano TiO₂
- Natural Base Drug Discovery (NADI)
- Pocket Education
- Green Chemistry in Secondary School
- Amir Processor
- Method to Differentiate Porcine
- M-Speak
- Tsunami Reseach Model
- Carbon Nanotubes
- Endeavor
- Halal Vaccine
- Porcine PCR
- Plainexus
- B-Crobes
- Meliodot Kit – Dot Enzyme Immunoassay for Meliodosis
- Brugia Rapid
- Banana Plantlet
- Smartshield
- Haruan Spray
- Digital Ebook
- Cell Culture tank
- Bioplastic Roadmap (MBI)
- Hybrid Turbine Ventilator
- Palm oil Fuel Ash (POFA)
- Bird Comp
- Air Injection Nozel
- Nanoimprint
- Crack Monitoring
- FaceBARS
- Radio Frequency Identification (RFID)
- Forensic Analysis and Discovery System (FADS)
- Malware Analysis and Prediction System (MAPS)
- Natureceuticals
- Dgloves – Biodegradable Rubber Latex Gloves
- Unmanned Aerial Vehicle (UAV)
- Rotatory Chair
- Balex
- NutriMush Products
- Dental toothbrush
- An Innovative Dual-Locking System for Motorcycles
- Oil Adsorbent
- Sistem Pencegahan dan Pemantauan Tingkah Laku Pelajar (SPPTP)
- ePronounce
- Primary Science Learning Kit
- ViscoLigno & LignoZorp
- LignoRust
- Nobesity





Pameran Pertandingan Penyelidikan dan Pameran Perdagangan Peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa

USM turut menyertai pameran penyelidikan berbentuk pertandingan pada peringkat kebangsaan atau antarabangsa yang mempertandingkan produk-produk penyelidikan hasil daripada penyelidikan para saintis USM.

Penyertaan USM di Pameran Pertandingan Penyelidikan 2013 pada Peringkat Kebangsaan

Bil.	Pameran	Penyertaan
1	Malaysia Technology Expo 2013 (MTE 2013) 21–23 Februari 2013, PWTC, Kuala Lumpur	13
2	24 th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2013) 9–11 Mei 2013, KLCC, Kuala Lumpur	15
3	Pameran Bio Malaysia 2013 21–23 Oktober 2013, Persada Johor International Convention Centre, Johor	5
4	4 th Exposition On Islamic Innovation 2013 (i-INOVA) 25–27 Oktober 2013, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Bandar Baru Nilai, Negeri Sembilan	5
5	Pameran PECIPTA 2013 9–11 November 2013, KLCC, Kuala Lumpur	13
Jumlah		51

Penyertaan USM di Pameran Pertandingan Penyelidikan 2013 pada Peringkat Antarabangsa

Bil.	Pameran	Penyertaan
1	International Trade Fair Ideas–Invention–New Products 2013 (IENA 2013) 31 Oktober–3 November 2013, Nuremberg, Jerman	7
2	Seoul International Invention Fair (SIIF 2013) 28 November–1 Disember 2013, Seoul, Korea Selatan	7
3	6 th International Invention Fair in The Middle East 2013 (IIFME 2013) 18–21 November 2013, Kuwait City, Kuwait	2
Jumlah		16

Penyertaan USM di Pameran Perdagangan dan Penyelidikan 2013 pada Peringkat Kebangsaan

Bil.	Pameran	Penyertaan
1	The 14 th Malaysian International Food & Beverages Trade Fair 6–8 Jun 2013, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur	5
2	Pameran SMIDEX 2013 12–14 Jun 2013, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur	2
3	Program Agroteknologi dan Transformasi Pertanian sempena Hari Peladang, Penternak dan Nelayan (HPPN) Peringkat Negeri Pulau Pinang 3–7 Julai 2013, Tapak Ekspo Seberang Jaya, Pulau Pinang	4
4	Pameran Infineon Kulim Hi-Tech 4 September 2013, Kulim Hi-tech, Kedah	3
5	The 4 th International Greentech & Eco Products Exhibition & Conference Malaysia (IGEM 2013) 10–13 Oktober 2013, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur	10
6	Innovation Showcase Gallery 2014 (GES 2014) 10–12 Oktober 2013, Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC), Kuala Lumpur	4
7	The 5 th Malaysia International Commodity Conference & Showcase (MICCOS) 2013 24–27 Oktober 2013, Malaysia Agro Exposition Park, Serdang, Selangor (MAEPS)	6
Jumlah		34

**Penyertaan USM di Pameran Perdagangan dan Penyelidikan 2013
pada Peringkat Antarabangsa**

Bil.	Pameran	Penyertaan
1	China International Children's Book Fair 2013 (CCBF 2013) 7–9 November 2013, Shanghai, China	6
Jumlah		6

Secara keseluruhannya, pencapaian USM dalam pertandingan pameran produk-produk penyelidikan sepanjang tahun 2013 adalah seperti yang berikut:

Pencapaian USM dalam Pertandingan Produk Penyelidikan

Pameran	Bil. Penyertaan	Pingat Emas	Pingat Perak	Pingat Gangsa	Anugerah Khas
MTE	13	3	8	1	1
ITEX	15	13	2	0	1
I-INNOVA	5	1	0	2	1
BIO MALAYSIA	5	3	2	0	0
PECIPTA	13	3	3	7	2
IENA	7	3	1	3	1
IIFME	2	2	0	0	0
SIIF	7	0	2	1	0
Jumlah	67	27	19	14	6

Penerbitan

Berdasarkan data MyRA 2013 yang telah diaudit, maklumat berkaitan dengan penerbitan yang dihasilkan oleh para penyelidik USM adalah seperti di dalam jadual di bawah:

Bil.	Unit for KPI	Year
		2013
1.	a. Total number of publications in citation-indexed journals including refereed proceedings. (Expanded list to include for ERA – Excellence Research Australia)	2,987
	b. Cumulative impact factor of publications, or	3,121.462
	c. Cumulative citation index of publications.	25,001
	d. Total no. of publications in non-citation-indexed Journal.	746
	e. No. of research books (4 chapters in research book(s) are equivalent to 1 research book)	44
	f. Other Publications (including conference proceedings) that have created an impact to government/society/policy	2,048
2.	a. IPR/copyrights (including original writings excluding research books declared.	43
	b. Other IPR/ Copyrights (books)	61

Rumusan

Pencapaian dalam penyelidikan dan inovasi masih boleh dibanggakan, walaupun terdapat kekangan kewangan kerana pengurangan peruntukan yang diterima, sama ada daripada peruntukan Universiti APEX (*APEX University*) atau daripada peruntukan Universiti Penyelidikan (*Research University*). Oleh itu, pelbagai inisiatif telah diambil antaranya menggalakkan para penyelidik mencari dan mendapatkan geran-geran dan tajaan dari institusi luar negara, memberikan latihan dan panduan untuk mereka menghasilkan *research proposal* sehingga mencapai tahap yang dikehendaki di samping meningkatkan jaringan penyelidikan.

287 projek penyelidikan baharu dibiayai oleh geran agensi luar

RM33,476,737.45 jumlah geran agensi luar

633 penyelidik mendapat pembiayaan menghadiri persidangan di luar negara





LAPORAN

**PEMBANGUNAN
PELAJAR**

Pengenalan

Fokus utama adalah untuk melahirkan pemimpin masa hadapan menerusi penglibatan pelajar dengan aktiviti-aktiviti di luar ko-kurikulum program pengajian.

Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Sahsiah Pelajar (PPKSP) telah ditubuhkan secara rasminya pada 8 Jun 2011. Ia bertujuan merencana dan mempertingkatkan aktiviti pembangunan keusahawanan yang lebih terancang, holistik dan berimpak tinggi bagi melahirkan modal insan berkualiti yang memiliki pemikiran, atribut dan nilai keusahawanan. Penubuhan Pusat ini menepati objektif Dasar Pembangunan Keusahawanan IPT yang dilancarkan oleh Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia untuk menjadikan pembangunan keusahawanan sebagai salah satu projek Agenda Kritikal di bawah Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara dan Dasar Pembangunan Siswa USM. Terdapat dua bidang tugas utama yang dikendalikan oleh Pusat iaitu **Pembangunan Keusahawanan Siswa dan Pembangunan Sahsiah Pelajar (PIMPIN Siswa)**.

Dengan misi '**Memperkayakan bakat pelajar melalui latihan yang holistik untuk melahirkan graduan yang berdaya saing pada peringkat global**', PPKSP bertanggungjawab untuk:

Pembangunan Keusahawanan Siswa USM

a. Memantap dan memperkukuh program pembangunan keusahawanan melalui perancangan yang berfokus dan holistik;



- Perlaksanaan Aktiviti/Program/Seminar/Latihan yang berstruktur dan berimpak tinggi anjuran PPKSP ke arah melahirkan usahawan pelajar yang merangkumi 3 komponen utama iaitu Pembudayaan, Pengukuhan dan Pemantapan keusahawanan;
- Kursus Asas Keusahawanan berkredit (WUS 101) WAJIB diambil oleh semua pelajar Tahun Pertama dengan tujuan untuk membudayakan minat keusahawanan pelajar pada peringkat awal.

b. Menyediakan persekitaran dan ekosistem yang kondusif;

- Sebanyak 45 ruang perniagaan telah disediakan
- Penubuhan 3 buah Koperasi Siswa yang berdaftar dengan Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) iaitu;
 - » Koperasi Siswa USM Pulau Pinang Berhad
 - » Koperasi Siswa USM Kampus Kejuruteraan Berhad
 - » Koperasi Siswa USM Kelantan Berhad
- Menyediakan peluang pinjaman kewangan perniagaan melalui Akaun Pinjaman Siswa Niaga Maju dengan tawaran pinjaman kewangan maksimum sehingga RM5,000.00 seorang dengan syarat wang ini mesti digunakan untuk menjalankan dan membangunkan perniagaan.

c. Mewujudkan mekanisme pengukuran yang berkesan;

- Pusat Data/Pangkalan Data Keusahawanan USM dan IPTA diwujudkan bagi membantu merancang program dan aktiviti keusahawanan secara lebih sistematik.



d. Melahirkan graduan yang mempunyai daya saing di peringkat global;

- Sebanyak 30 buah syarikat telah ditubuhkan oleh pelajar yang telah bergraduasi dan seramai 242 orang pelajar telah menjalankan perniagaan secara realiti di premis-premis perniagaan yang telah disediakan oleh PPKSP di dalam kampus.

e. Mengukuhkan kompetensi Tenaga Penggerak Keusahawanan;

- Seramai 45 orang fasilitator tetap berkemahiran tinggi termasuk pegawai akademik dan pentadbiran terlibat secara langsung melatih pelajar dalam kursus dan latihan keusahawanan yang berstruktur.

Pada tahun ini, sejumlah RM389,000.00 peruntukan telah disalurkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia bagi pelaksanaan Program Pembangunan Keusahawanan Siswa USM yang merangkumi lima buah program.

Di samping itu, seramai 894 orang pelajar telah berjaya mengikuti dan mewakili USM dalam aktiviti/program/pertandingan keusahawanan di bawah anjuran IPTA/IPTS dan agensi luar lain sepanjang tahun 2013.

Bil.	Program	Tarikh	Pencapaian
1	Pangkalan Data Soal Selidik Keusahawanan Siswa V3	Sept. 2013	Berjaya menyediakan pangkalan data pembangunan keusahawanan IPTA yang lengkap. Perancangan aktiviti keusahawanan dapat dijalankan berdasarkan data yang diperolehi.
2	Seminar Pembudayaan Keusahawanan Pelajar Baharu	12 Sept. 2013	Seramai 3,587 orang pelajar telah diterapkan dengan pengenalan dan pembudayaan keusahawanan di USM.
3	Skim Asas Usahawan Siswa	8–10 Nov. 2013	Seramai 92 orang pelajar telah melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan yang dijalankan oleh USM mahupun agensi luar.
4	Jom Bisnes Usahawan Muda	13–15 Dis. 2013	Seramai 42 orang usahawan siswa telah menghadiri program ini. Hasil daripada program tiga hari ini menampakkan pengurusan perniagaan berjalan dengan lebih sistematik dan aliran tunai dapat dikawal dengan lebih baik.
5	Advance TOT Tenaga Pengerak Keusahawanan USM	14–16 Feb. 2013	Seramai 30 orang Tenaga Pengerak Keusahawanan Baharu telah dilatih bagi pembangunan keusahawanan yang berterusan.



Program Pimpin Siswa

PPKSP telah mengukuhkan skop perkhidmatannya yang mencakupi urus tadbir program baharu iaitu PIMPIN siswa. Aktiviti ini telah disasarkan kepada pembentukan graduan yang holistik, kreatif, inovatif, memiliki sifat kepimpinan yang tinggi, bijak berkomunikasi, berbudi pekerti, berketerampilan dan memiliki sifat jati diri yang kental. Program PIMPIN Siswa berkonsep 'Memastikan Kelestarian Hari Esok' dan bermatlamat untuk melahirkan siswa/siswi yang cintakan Universiti dan negara, bersifat patriotis dan menghormati negara, memiliki jati diri dan daya ketahanan diri yang tinggi dan kemahiran insaniah yang mantap dan gemilang.

Program PIMPIN Siswa Lanjutan dirangka khas bagi memberi peluang kepada siswa yang terpilih memperoleh dan mempertingkatkan kemahiran mereka dalam bidang-bidang yang dikenal pasti oleh Universiti berpotensi untuk diperkasakan. Program PIMPIN Siswa Lanjutan diperkenalkan untuk mengasah dan memperkaya bakat sedia ada ke tahap yang lebih tinggi bagi menyediakan ruang dan



peluang yang lebih besar kepada siswa untuk berkhidmat kepada masyarakat dan Negara selepas bergraduasi. Bagi memperkasakan para siswa yang terpilih itu dengan ilmu pengetahuan serta kemahiran untuk mempersiapkan diri ke dunia pekerjaan dan alam bermasyarakat, beberapa konsep asas perlu diterap iaitu daya kepimpinan, daya keusahawanan, sikap yakin diri dan keupayaan berpasukan/kendiri.



Program	Penyertaan 2013/2014	Tarikh	Tempat
PIMPIN Siswa	4,100	Siri 1 6–8 September Siri 2 13–15 September Siri 3 20–22 September Siri 4 27–29 September	3 Kem sekitar Kedah *Kem Beris, Kem Palas dan Kem Perik 4 kem sekitar Perak *Kem Cinta Alam Kelimat, Kem Batu Ampar, Kem Lata Perangin, dan Kem D'Risa Impiana 2 kem di Kelantan *Kem Tebu View dan Kem Lata Belatan

Rumusan

Secara keseluruhan, pencapaian Bahagian Hal Ehwal dan Pembangunan Pelajar (BHEPP) bagi tahun 2013 telah membantu dalam menzahirkan modal insan yang cemerlang dalam kalangan pelajar disamping menginsankan Universiti melalui pelaksanaan program dan peningkatan perkhidmatan untuk pelajar. BHEPP juga telah menjadi perintis kepada beberapa program utama seperti PIMPIN Siswa, Dewan Perundingan pelajar dan pelbagai bentuk program Kelestarian. BHEPP akan terus menjadi pemangkin dan memantapkan usaha dalam melahirkan individu yang cemerlang dan mampu melopori pasaran global dan berstatus graduan minda kelas pertama.

30 buah syarikat telah ditubuhkan oleh pelajar yang telah bergraduasi

242 orang pelajar telah menjalankan perniagaan secara realiti di premis-premis perniagaan yang telah disediakan oleh PPKSP di dalam kampus

4,100 telah menyertai Program Pimpin Siswa





LAPORAN

**JARINGAN INDUSTRI
DAN MASYARAKAT**



Pengenalan

Melalui Jaringan Industri dan Masyarakat, USM berperanan untuk mengadunkan ilmu/kepakaran, kemudahan dan sumber yang terdapat di dalam universiti dengan keperluan, aspirasi serta harapan pihak industri dan masyarakat, serta merapatkan hubungan dengan pihak luar agar lebih bermanfaat dan lestari pada pelbagai peringkat. USM juga giat memberikan tumpuan terhadap usaha dan inisiatif bagi memperluas program libat sama Komuniti-Universiti-Industri pada peringkat negeri, kebangsaan, serantau dan antarabangsa untuk mengembangkan nilai-nilai kemanusiaan serta kesejagatan ke arah keharmonian, kesejahteraan dan juga kelestarian masyarakat, khususnya kepada golongan yang kurang berkemampuan.

Centre of local knowledge coming up

Toray Group sponsors RM4mil for new repository in USM main campus

By HAFIZ MARZUKHI
hafiz@thestar.com.my
Photo by WAN MOHIZAN WAN HUSSEIN

UNIVERSITI Sains Malaysia (USM), in collaboration with Toray Group (Malaysia), will be building a four-storey Knowledge Transfer Centre at its main campus for the preservation of local knowledge.

Local knowledge is a field of study that centres on the identity, traditions and cultures of a local community.

The RM6mil building, which is expected to be completed by 2015, will serve as the local knowledge repository as it will provide facilities required for research and networking among local and international researchers as well as the local community.

USM vice-chancellor Prof Datuk Omar Osman said that the university was honoured that an international company like the

Toray Group was willing to support USM in the initiative.

"I have no doubt that this ambitious project will further enhance USM's position as a leading centre of excellence in the region," said Prof Omar.

He was speaking to reporters after attending the groundbreaking ceremony of Toray USM Knowledge Transfer Centre' at the main campus on Wednesday.

Penang Yang di-Pertua Negri Tun Abdul Rahman Abbas graced the event together with his consort Toh Puan Majimor Shariff.

After the ceremony, Toray Industries Inc president Akihiro Nikkaku presented a mock cheque worth RM4mil to USM for the funding of the building.

"This is part of our Corporate Social Responsibility (CSR) initiative in conjunction with the group's 40th anniversary in Malaysia," he said.



Good start: (From right) Toray Industries (Malaysia) Sdn Bhd managing director Hiroshi Yoshimura, Nikkaku, Abdul Rahman, Prof Omar and USM deputy vice-chancellor (Industry and Community Network) Prof Datuk Susie See Ching Mey shovelling sand during the groundbreaking ceremony.

Aktiviti Jaringan Industri dan Masyarakat

Bil.	Aktiviti	
1	<p>Majlis Penyampaian Sijil Kecemerlangan dan Sijil Penghargaan Libat Sama Komuniti</p> <ul style="list-style-type: none"> 5 Februari 2013, Dewan Kompleks Cahaya Siswa 	<p>Seramai 396 staf dan pelajar USM telah diraikan dalam majlis yang penuh bermakna ini bagi menerima sijil tersebut.</p>
2	<p>Audit Projek Khas Libat Sama Komuniti</p> <ul style="list-style-type: none"> 25–26 Februari 2013, Pusat NADI, USM 	<p>Bahagian Audit ini menilai empat bidang utama iaitu perancangan; proses; output/hasil dan impak aktiviti/program/projek libat sama komuniti.</p> <p>Lanjutan daripada audit ini, BJIM telah dijemput untuk menjadi pembentang bagi topik 'USM's Policy and Experience' semasa sesi perkongsian khas – inisiatif program libat sama (community engagement) di bawah program APEX, anjuran Jabatan Pengajian Tinggi pada 19 Ogos 2013.</p>
3	<p>Majlis Pecah Tanah Pembinaan Bangunan Pusat Pemindahan Ilmu Toray–USM (Toray–USM Knowledge Transfer Centre)</p> <ul style="list-style-type: none"> 10 April 2013, Dewan Tuanku Syed Putra (DTSP), USM 	<p>Program ini disumbangkan oleh pihak Toray Group (Malaysia) sebanyak RM4 juta untuk membina bangunan Pusat Pemindahan Ilmu Toray–USM dan berfungsi sebagai pusat pengetahuan dalam bidang kearifan tempatan untuk mempromosikan dan melindungi budaya tempatan, alam sekitar, tradisi, warisan dan isu-isu lain yang hampir dilupai oleh masyarakat moden kini.</p>
4	<p>Bengkel Third Track Promotion</p> <ul style="list-style-type: none"> 30 April 2013, Bilik Taklimat, Pejabat Perhubungan Awam 	<p>Seramai 18 peserta telah menghadiri bengkel ini untuk membincangkan dan menilai kriteria serta syarat pemarkahan bagi kenaikan pangkat staf akademik melalui bidang libat sama komuniti/industri.</p>
5	<p>Bengkel Penilaian Geran Libat Sama Universiti–Komuniti/Libat Sama Universiti–Industri</p> <ul style="list-style-type: none"> 9 Mei 2013, Pusat Pengajian Pengurusan 	<p>Sebanyak 22 projek yang berjaya dalam proses penilaian telah dikenal pasti berpotensi untuk memberikan impak yang besar kepada USM–Komuniti/Industri telah dipilih.</p>
6	<p>Bengkel Membangunkan Model Holistik Terbaik Program Pendidikan Inklusif untuk Malaysia</p> <ul style="list-style-type: none"> 1–2 Jun 2013, Pusat Pengajian Pengurusan 	<p>Bengkel ini bertujuan menyediakan model holistik terbaik bagi program pendidikan inklusif yang melibatkan pakar dalam bidang pendidikan khas, pengamal, pakar pediatrik dan pakar dalam bidang pendidikan kanak-kanak.</p>
7	<p>Bengkel Pemantauan Kemajuan Projek Geran Libat Sama Universiti–Komuniti/Universiti–Industri/Flagship</p> <ul style="list-style-type: none"> 28 Ogos 2013, INFORMM, Kampus Induk 10 September 2013, Kampus Kesihatan 	<p>Objektif bengkel ini adalah untuk memantau kemajuan projek-projek libat sama yang telah diluluskan dan yang masih belum tamat tempohnya. Melalui proses penilaian yang telah dijalankan, panel penilai telah mengesyorkan beberapa cadangan bagi tujuan penambahbaikan demi kelestarian projek dan mempunyai elemen libat sama yang sepatutnya.</p>

Bil.	Aktiviti	
8	<p>Majlis Anugerah Sanggar Sanjung (MASS) 2012</p> <ul style="list-style-type: none"> • 18 September 2013, Dewan Budaya, USM 	<p>Seramai 141 pemenang bagi lima anugerah dan dua kumpulan bagi kategori kualiti ASS telah menerima sijil anugerah tersebut.</p>
9	<p>Ekspo Inovasi Islam (i-Inova) 2013</p> <ul style="list-style-type: none"> • 26–28 Oktober 2013, Stadium Tertutup Nilai, Negeri Sembilan 	<p>Ekspo ini bertemakan <i>Inspiring Islamic Innovative Minds</i> dan memfokuskan perintis inovasi sains Islam dalam usaha membantu orang kurang upaya (OKU).</p> <p>USM melalui BJIM telah dijemput menjadi penganjur bersama dengan Universiti Sains Islam Malaysia dalam penganjuran program OKU sempena Ekspo i-Inova 2013. Seramai 190 peserta telah menghadiri bengkel yang dianjurkan ini.</p>
10	<p>University Community Transformation Centre (UCTC) Programme</p> <ul style="list-style-type: none"> • 30 November 2013, Universiti Putra Malaysia (UPM), Selangor 	<p>USM melalui Pejabat Jaringan Komuniti BJIM telah menyediakan dan menyalurkan maklumat yang berkaitan dengan inisiatif libat sama universiti–komuniti yang telah dilaksanakan di USM kepada Kementerian Pendidikan Malaysia.</p> <p>Selain itu, USM juga telah memperkenalkan konsep inovasi dalam libat sama universiti–komuniti.</p>
11	<p>Kunjungan Lawatan Kerja daripada IPTA lain ke BJIM, USM</p> <ul style="list-style-type: none"> • 27 Mei 2013, Universiti Malaysia Sabah (UMS), Sabah • 11 September 2013, Universiti Malaysia Pahang (UMP), Pahang 	<p>BJIM telah menerima lawatan kerja daripada Universiti Malaysia Sabah dan Universiti Malaysia Pahang yang bertujuan mengetahui peranan serta fungsi BJIM, berkongsi idea serta pengalaman mengenai aktiviti-aktiviti libat sama antara universiti–komuniti/industri yang telah dilaksanakan oleh BJIM, USM.</p>
12	<p>Majlis Penyerahan Sumbangan Kerusi Roda Dimodifikasi Khas USM–RICD</p> <ul style="list-style-type: none"> • 6–7 Disember 2013, Dewan Peperiksaan B, USM 	<p>BJIM dengan kerjasama pihak Rajanagarindra Institute of Child Development (RICD), Thailand telah menawarkan kerusi roda modifikasi khas secara percuma kepada staf dan tanggungan serta juga pelajar USM yang memerlukannya. Kerusi roda ini telah direka dan dipasang secara khas mengikut ukuran sebenar pengguna yang memerlukannya.</p>
13	<p>Persidangan Libat Sama Universiti–Komuniti (University–Community Engagement Conference–UCEC)</p> <ul style="list-style-type: none"> • 11–13 November 2013, Hotel Grand Inna Muara, Padang Indonesia 	<p>UCEC 2013 telah dianjurkan bersama oleh Universitas Andalas, Indonesia dan USM yang bertemakan <i>Towards the Transformation of Higher Education on University Community Engagement</i> yang bertujuan menilai amalan terbaik libat sama antara universiti–komuniti dan sebagai medan untuk mewujudkan jaringan, perkongsian pengalaman serta amalan terbaik libat sama universiti–komuniti.</p> <p>Persidangan ini telah dihadiri seramai 200 peserta dari pelbagai negara dan melibatkan pembentangan 75 kertas kerja dan 13 poster.</p>

Tadbir Urus Libat Sama Universiti–Komuniti/Universiti–Industri

Pengurusan Geran Projek Libat Sama Universiti–Komuniti/Universiti–Industri/Perdana (Flagship) 2013

Jenis Geran	Jumlah Projek	Belanjawan
Libat Sama Universiti–Komuniti (Jangka Pendek/Jangka Panjang) BJIM	15	RM320,337.00
Libat Sama Universiti–Industri (Jangka Pendek/Jangka Panjang) BJIM	7	RM290,767.60
Libat Sama Universiti–Komuniti Ad Hoc	60	RM467,190.40

Sandaran Staf dalam Bidang Industri

Sepanjang tahun 2013, seramai 11 staf akademik telah menjalani program sandaran staf yang melibatkan 11 organisasi / agensi kerajaan / industri di seluruh Malaysia.

Ahli Panel Penasihat Industri/Komuniti 2013–2015 (*Industry/Community Advisory Panel–ICAP*)

Seramai 126 tokoh korporat dan individu profesional daripada pelbagai bidang industri dan komuniti telah dilantik sebagai ahli ICAP di USM bagi sesi 2013–2015. Pelantikan ahli ICAP ini bertujuan meninjau kerjasama antara universiti dengan pihak industri/komuniti dalam bidang-bidang kurikulum, pengajaran dan pembelajaran, perundingan, penyelidikan, libat sama komuniti/industri serta pemindahan ilmu dan teknologi. Panel penasihat ini juga merupakan sebagai satu platform untuk perkongsian kepakaran antara USM dengan ahli ICAP daripada pelbagai bidang industri dan komuniti.

Program Internship Pelajar (PIP) 2013

Pada tahun 2013, seramai 2,503 pelajar telah menjalani PIP di 1,114 syarikat/agensi/industri di seluruh Malaysia. Manakala seramai 59 pelajar pula telah menjalani program internship mereka di 42 syarikat luar negara seperti di China, Iran, Hong Kong, Bahrain, Thailand, Taiwan, Singapura dan Indonesia. Jumlah keseluruhan pelajar yang telah menjalani program ini di dalam mahupun di luar negara adalah seramai 2,562 pelajar.

Penandatanganan MoU/MoA Dengan Pihak Industri/Komuniti

Sepanjang tahun 2013, tujuh MoA dan empat MoU dengan pelbagai pihak industri dan komuniti telah dimeterai seperti yang berikut:

Tarikh	MoA/MoU	Industri/Komuniti	Penerangan
3 Januari 2013	MoA	B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd.	Penyelidikan "Studies on Antibacterial Agent Filled Polypropylene or Polyurethane for Antimicrobial Application".
8 Februari 2013	MoA	Lembaga Promosi Kesihatan Malaysia	Projek Smart Partnership bagi mewujudkan impak yang berteraskan kesihatan dan cara hidup sihat dalam kalangan masyarakat melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti yang berkaitan dengan kesihatan dan kempen cara hidup sihat.
28 Februari 2013	MoU	Spastic Children's Association of Selangor and Federal Territory	Menjalankan aktiviti-aktiviti rawatan dan penjagaan paliatif seperti anjuran bersama bengkel, seminar dan mesyuarat tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan penjagaan paliatif kepada kanak-kanak cacat.
19 Mei 2013	MoA	Toray Group (Malaysia)	Sumbangan sebanyak RM4 juta untuk membina bangunan Pusat Pemindahan Ilmu Toray-USM.
28 Mei 2013	MoU	Osram Opto Semiconductors (Malaysia) Sdn. Bhd.	Sumbangan biasiswa kepada pelajar USM di bawah Project Scholarship Disbursement yang bertujuan menyediakan tajaan kewangan kepada pelajar-pelajar USM yang mengikuti program ijazah sarjana muda dan sarjana di USM.
28 Jun 2013	MoA	B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd.	Projek kerjasama industri bertajuk "Studies to Develop an Effective Medical Grade Lubrication/Coating on Stainless Steel Cannula Surface".
17 September 2013	MoA	Universitas Andalas, Indonesia	Penganjuran bersama dalam persidangan antarabangsa University-Community Engagement Conference pada November 2013 di Indonesia.
17 September 2013	MoA	Fuji Electric (Malaysia) Sdn. Bhd.	Tajaan biasiswa kepada pelajar USM.
11 Oktober 2013	MoU	Universiti Sains Islam Malaysia	Penganjuran i-INOVA dan pelaksanaan produk berinovasi untuk warga OKU.
21 Oktober 2013	MoU	Federation of Malaysian Manufacturers (Cawangan Pulau Pinang)	Aktiviti-aktiviti berkaitan dengan Industri Kecil dan Sederhana (IKS).
3 Disember 2013	MoA	Toyohashi University of Technology	Penganjuran bersama "Conference of Global Network for Innovation Technology (IGNITE)" dan penubuhan "TUT-USM Technology Collaboration Centre" di Pulau Pinang.

Geran Luar

Industri	Tajuk Projek	Geran
B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd.	"Studies on Antibacterial Agent Filled Polypropylene or Polyurethane for Antimicrobial Application"	RM123,000.00
B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd.	"Studies to Develop an Effective Medical Grade Lubrication/Coating on Stainless Steel Cannula Surface"	RM117,701.00
CIMB Foundation	Golden Glue	RM50,000.00
CIMB Foundation	Cancer Awareness Among Women in Seberang Perai	RM15,860.00
Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT), Kementerian Pelajaran Malaysia	Developing Leadership for Community Engagement	RM200,000.00
Jumlah		RM506,561.00

Hadiah dan Endowmen/ Sumbangan Daripada Pihak Luar

USM telah berjaya mendapat hadiah dan endowmen daripada pihak industri dan komuniti yang berjumlah sebanyak RM4,518,298.77 sepanjang tahun 2013. Perincian hadiah dan sumbangan yang telah diterima adalah seperti yang berikut:

Toray Group (Malaysia) telah memberikan sumbangan sebanyak RM4 juta kepada USM untuk membina Bangunan Pusat Pemindahan Ilmu Toray-USM.

Micron Technologies Foundation telah memberikan sumbangan kepada USM sebanyak RM29,400.00 untuk Micron Award pada Januari 2013.

Fuji Electric telah memberikan biasiswa sebanyak RM120,000.00 (RM20,000.00 pada 2013, RM40,000.00 pada 2014 dan RM60,000.00 pada 2015) di bawah Skim Fuji

Electric University Scholarship kepada dua pelajar daripada setiap Pusat Pengajian Sains Fizik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik, Pusat Pengajian Kejuruteraan Kimia dan Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan dan Sumber Mineral.

Rajanagarindra Institute of Child Development (RICD), Thailand telah memberikan hadiah berupa 45 set kerusi roda yang dimodifikasikan secara khas beserta alatan bantuan berjalan lain dengan anggaran nilai sebanyak RM368,898.77 kepada USM.

Aktiviti Anjuran Bersama Pihak Industri/Organisasi dan Komuniti

Beberapa aktiviti/program telah dianjurkan bersama pihak industri dan komuniti sepanjang tahun 2013 seperti yang berikut:

Aktiviti Anjuran Bersama Industri:

Seminar Harta Intelek untuk Industri (Intellectual Properties for Industry) anjuran bersama BJIM, USM dengan Malaysian Dutch Business Council (MDBC) telah diadakan pada 14 Jun 2013 di Auditorium INFORMM, USM. Seramai 16 peserta daripada pelbagai industri telah menghadiri seminar ini. Seminar ini telah menjadi satu platform kepada peserta untuk berbincang bersama pakar-pakar dari Chur Associates Kuala Lumpur, Pejabat Inovasi USM dan BCL Packaging tentang isu-isu dan amalan harta intelek industri.

Lanjutan daripada siri pertama CEO Talk, satu mesyuarat antara pembekal Motorola dengan beberapa penyelidik USM telah diadakan pada 1 Julai 2013.

Penganjuran majlis MPSP Green Industry Award 2013 telah berjaya dilaksanakan pada 6 Julai 2013 bertempat di Majlis Perbandaran Seberang Prai (MPSP), Bandar Perda, Pulau Pinang.

Pelajar USM telah mengambil bahagian dalam pertandingan Innovate Malaysia Design 2013 yang telah diadakan pada 4 Julai 2013 di Hotel Equatorial, Pulau Pinang. Melalui penyertaan ini, pasukan USM telah berjaya memenangi anugerah-anugerah yang berikut:

- i. Innovate Malaysia Excellence Award
- ii. IEM Best Thesis Award
- iii. Agilent Track - Hadiah Pertama
- iv. National Instruments Track - Hadiah Pertama
- v. Intel Track - Hadiah Ketiga

USM telah dijemput untuk mempamerkan hasil penyelidikan sempena Minggu Inovasi Infineon Kulim yang diadakan pada 4 September 2013. Di samping itu, Y.Bhg. Profesor Dato' Dr. See Ching Mey dan Profesor Rahmat Awang juga telah dijemput untuk memberikan ucapan semasa majlis pembukaan rasmi.

BJIM turut terlibat dalam proses penubuhan Pusat TUT-USM Technology Collaboration di Jalan Cantonment, Pulau Pinang. Pusat ini ditubuhkan oleh Toyohashi University of Technology, Jepun dan majlis pembukaan rasmi telah diadakan pada 4 Disember 2013.

BJIM telah membantu dalam penganjuran TUT-USM International Conference of Global Network for Innovative Technology yang telah diadakan pada 5 Disember 2013.

Aktiviti Anjuran Bersama Komuniti:

BJIM dengan kerjasama Perpustakaan Hamzah Sendut, USM dan Persatuan Soka Gakkai Malaysia telah mengadakan majlis sumbangan buku pada 2 Oktober 2013. Majlis sumbangan ini diadakan bersempena dengan sumbangan 70 naskhah buku daripada Persatuan Soka Gakkai Malaysia kepada Perpustakaan USM.


BJIM telah terlibat dalam penganjuran Penang Space Festival 2013 yang bertemakan The Art of Robotech pada 14-16 November 2013. Program ini turut dianjurkan bersama oleh Northern Skills Development Centre. Tujuan pesta angkasa ini diadakan adalah untuk membantu para pelajar, guru dan orang awam mempelajari dan memperoleh pengetahuan dalam bidang astronomi serta sains angkasa dan teknologi yang inovatif, kreatif dan interaktif. Pesta ini telah berjaya menarik seramai 15,075 pelawat sepanjang tiga hari program ini berlangsung.

Penerbitan BJIM

Sebanyak tiga buah buku telah berjaya diterbitkan pada tahun 2013 yang bertajuk "Volunteerism in Malaysia: Fostering Civic Responsibility", "KALEIDOSCOPE" dan "Sirih Pulang ke Gagang: Libat Sama Bestari USM-Komuniti". Buku Volunteerism in Malaysia: Fostering Civic Responsibility merupakan salah satu inisiatif BJIM untuk mempromosikan amalan dan semangat kesukarelawanan. Buku ini telah dirasmikan pelancarannya bersempena dengan Majlis Santapan Malam DYMM Tuanku Canselor USM bersama Sukarelawan USM di Perlis pada 18 Februari 2013.

Buku Kaleidoscope merupakan terbitan yang mendokumentasikan kisah-kisah kejayaan serta perkongsian amalan terbaik dalam aktiviti/projek libat sama komuniti dan industri yang telah dilaksanakan oleh warga USM manakala buku Sirih Pulang ke Gagang: Libat Sama Bestari USM-Komuniti pula menonjolkan projek


libat sama antara USM dengan kawasan luar bandar untuk meningkatkan sosioekonomi dan kesejahteraan hidup masyarakat setempat. Kedua-dua buku ini telah dilancarkan pada 8 Januari 2014. Selain itu, buku panduan tentang Panel Penasihat Industri/Komuniti 2013-2015 yang mengandungi maklumat biodata ahli-ahli ICAP USM juga telah diterbitkan pada 2013. Buku ini merupakan usaha BJIM sebagai dokumen rujukan tentang objektif dan fungsi ICAP oleh Universiti, industri dan komuniti.



Libat Sama Universiti-Komuniti


Projek/Program Libat Sama Universiti-Komuniti, Anjuran Pusat Pengajian/ Pusat/Institut 121 projek libat sama komuniti telah dilaksanakan dan disertai padai peringkat PTJ selain projek-projek libat sama universiti-komuniti yang diuruskan oleh BJIM.

Jenis Program Libat Sama Komuniti Yang Dianjurkan/Disertai Oleh PTJ



Aktiviti Libat Sama Universiti-Komuniti, Anjuran Pusat Pengajian/Pusat/Institut

393 aktiviti telah dianjurkan/dilaksanakan dan disertai oleh PTJ sepanjang tahun 2013 untuk mewujudkan dan menjalinkan hubungan antara staf dengan pelajar USM dan pihak komuniti dengan organisasi awam/swasta seperti pada Carta 2 yang berikut:



Libat Sama Universiti–Industri

Lawatan Dua Hala USM–Industri, Anjuran BJIM

Lawatan USM ke Industri

- i. Lawatan ke B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd. oleh para penyelidik USM pada 3 April 2013.
- ii. Delegasi USM melawat FMM, Cawangan Pulau Pinang pada 18 April 2013.
- iii. Lawatan ke B. Braun Medical Industries Sdn. Bhd. bersama delegasi Bahagian Hubungan Industri, Kementerian Pengajian Tinggi pada 29 April 2013.
- iv. Lawatan delegasi USM ke First Solar Malaysia Sdn. Bhd. di Kulim Hi Tech Park pada 25 Julai 2013.

Lawatan Industri ke USM

Lawatan oleh Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd. ke USM pada 25 Jun 2013. Mesyuarat telah bersetuju mengadakan Forum Saintis Muda kepada pensyarah-pensyarah baru USM untuk mengadakan pertemuan dan perbincangan tentang potensi kerjasama yang boleh dilaksanakan dalam program ini.

Siri Technical Talk (*Tech Talk*)

USM melalui BJIM telah terlibat dalam siri *Tech Talk* iaitu kerjasama dengan The Electronic Engineering Technical Division (eETD), Institut Kejuruteraan Malaysia (IEM), dan Dream Catcher Consultancy Sdn. Bhd. Sebanyak enam siri ceramah telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 yang melibatkan pakar-pakar dalam pelbagai bidang industri seperti sistem dan perisian komputer, elektrik dan elektronik, mikroelektronik dan lain-lain. Seramai 237 peserta dari industri dan USM telah menyertai siri ceramah ini. Program ini telah berjaya memberikan impak dalam usaha meningkatkan hubungan jaringan USM sebagai Institusi Pengajian Tinggi yang berdaya saing dengan pihak industri.

CEO-I@USM

Inisiatif CEO-I@USM telah diwujudkan pada tahun ini untuk mengukuhkan jaringan dan libat sama antara USM dengan industri. Melalui CEO-I@USM, terdapat lima kategori yang telah dirancang iaitu:

a. Siri Syarahan CEO

Selain berkongsi pengalaman mereka dalam bidang industri, penceramah juga akan berkongsi tentang kerjaya mereka, penglibatan dalam universiti-industri, dan aktiviti/bidang kerjasama yang berpotensi untuk memajukan negara. Empat syarahan telah dianjurkan di bawah aktiviti ini adalah seperti yang berikut:

Syarahan CEO yang pertama anjuran Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan pada 13 Mei 2013 di Dewan Kuliah A, USM telah disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' T.T. Yew dari Motorola Solutions Sdn. Bhd. dengan tajuk Business Collaboration and Centre of Excellence.

Syarahan CEO kedua telah disampaikan oleh Encik Heng Huck Lee daripada Globetronics Technology Bhd. Syarahan bertajuk Nurturing a Local Enterprise to Support Global Market – The Experience of Globetronics yang telah diadakan pada 1 Julai 2013 di Dewan Kuliah A, USM dan dianjurkan oleh Pusat Pengajian Pengurusan.

Syarahan CEO ketiga telah disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' Seri Kelvin Kiew, Mini-Circuits Technologies Malaysia. Syarahannya bertajuk Building SME Supply Chain Eco

System and Enterprise Success Formula yang telah diadakan pada 30 September 2013 di Dewan Budaya, USM merupakan anjuran Pusat Pengajian Siswazah Perniagaan.

Syarahan CEO keempat anjuran Pusat Pengajian Pengurusan pada 25 November 2013 di Auditorium Kampus Kejuruteraan, USM telah disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' Redza Rafiq Abdul Razak dari Northern Corridor Implementation Authority tentang Koridor Utara Malaysia.

b. Forum CEO

Sebagai platform untuk perbincangan yang bermakna antara USM dengan industri yang digerakkan oleh Pejabat Pengarah Kampus Kejuruteraan. Melalui aktiviti ini, ketua pegawai eksekutif yang merupakan pemimpin-pemimpin ternama industri dijemput dan aktiviti ini telah dihadiri oleh staf dan pelajar daripada pelbagai PTJ. Aktiviti ini juga membolehkan perbincangan tentang penglibatan universiti dengan industri.



c. CEO Melawat Industri

Melalui aktiviti ini, BJIM menjalankan peranan sebagai sekretariat untuk menyelaraskan lawatan oleh Dekan dan Pengarah di USM ke industri, organisasi perniagaan dan perdagangan serta mengadakan perbincangan dengan pihak pengurusan industri/organisasi tersebut untuk menerokai peluang kerjasama seperti penyelidikan (pelbagai bidang dan antara bidang), projek libat sama industri dan program latihan.

Pada 22 Mei 2013, delegasi USM yang diketuai oleh Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) dan Timbalan Naib Canselor (Bahagian Penyelidikan & Inovasi) telah membuat lawatan ke Agilent Technologies (M) Sdn. Bhd. di Bayan Lepas, Pulau Pinang.

d. CEO Melawat Universiti

Ketua pegawai eksekutif dan ketua perniagaan/pertubuhan perdagangan akan dijemput untuk melawat dan mengadakan perbincangan dengan PTJ di USM. Semasa lawatan mereka, PTJ akan berkongsi tentang kepakaran dan kemudahan yang ada untuk dimanfaatkan bersama dalam hubungan kerjasama yang terbabit. Selain itu, ketua pegawai eksekutif juga akan berkongsi strategi dan memberikan cadangan kepada PTJ agar boleh selaras dengan aspirasi pihak industri. Melalui aktiviti ini, ia akan mewujudkan pemahaman yang lebih baik tentang keperluan industri dan keupayaan USM untuk memenuhi keperluan tersebut.

Satu rombongan yang terdiri daripada Presiden dan Naib Presiden dari Toyohashi University of Technology; Nagaoka University of Technology; University of Engineering & Technology, Vietnam National University; dan National Colleges of Technology (Kosen) telah melawat ke Makmal Nano-Optoelectronics Research & Technology, Pusat Pengajian Sains Fizik, USM pada 5 Disember 2013.

e. Felo CEO-I@USM

USM akan melantik ketua pegawai eksekutif dari industri sebagai felo di PTJ untuk tempoh satu tahun bagi hal-hal yang berkaitan dengan libat sama industri. Terma rujukan tugas felo dan keperluan infrastruktur asas perlu disediakan oleh PTJ yang melantik mereka. Felo USM ini dilantik secara sukarela untuk berkhidmat kepada PTJ secara khususnya dan Universiti serta negara secara amnya.

Y. Bhg. Dato' T.T. Yew daripada Motorola Solutions Sdn. Bhd. telah dilantik sebagai Felo CEO-I @USM bagi tahun 2013.

Kluster BJIM

Kluster	Aktiviti/Pencapaian
<p>Kluster Libat Sama Universiti–Komuniti [University–Community Engagement (UCE)]</p>	<p>Persidangan Ketiga Libat Sama Universiti-Komuniti 2013 (UCEC 2013)</p> <p>Kluster UCE telah membantu BJIM dalam penganjuran UCEC 2013. Selain itu, ahli kluster dilantik sebagai moderator, penilai kertas kerja dan pengerusi bagi beberapa sesi parallel semasa persidangan ini berlangsung. Kluster UCE juga turut membantu BJIM dalam proses menandatangani MoU dengan Universitas Andalas, Padang, Indonesia bagi penganjuran persidangan antarabangsa yang telah diadakan pada 11–13 November 2013, di Hotel Grand Inna Muara, Padang, Indonesia.</p>
<p>Kluster Orang Kelainan Upaya (OKU)</p>	<p>Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013 adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Majlis Penyerahan Kerusi Roda yang Dimodifikasikan Secara Khas oleh Naib Canselor pada 13 Januari 2013 kepada Yayasan Amal untuk dihantarkan ke Gaza, Palestin. (ii) Majlis penerimaan sumbangan peralatan bantu pendengaran untuk Program Audiologi, Pusat Pengajian Sains Kesihatan (PPSK), USM pada 20 Mei 2013. Alat bantu pendengaran ini amat berguna kepada kanak-kanak dan orang dewasa yang kurang pendengaran. (iii) Penganjuran Karnival OKU sempena Hari Terbuka Kampus Kesihatan USM pada 5 Oktober 2013 di Dewan Utama, Kampus Kesihatan. Pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti penggunaan kerusi roda, pengalaman menjadi orang cacat dan pelbagai program lagi. (iv) Terlibat dalam Program i-OKU pada 26–28 Oktober 2013 di Nilai, Negeri Sembilan sempena Ekspo Inovasi Islam 2013 yang telah dianjurkan oleh Universiti Sains Islam Malaysia dengan kerjasama MOSTI, ASM dan KPM. (v) Program Latihan Vokasional OKU Intelek, kelolaan Kampus Kesihatan dengan kerjasama BJIM, PPSK dan Koperasi Warga USM Kelantan Berhad. Seramai tujuh OKU telah dilatih dalam dua kelompok selama enam bulan dan diberikan pekerjaan yang bersesuaian dengan keupayaan mereka. Program ini diasaskan pada objektif untuk melakukan transformasi terhadap ekonomi OKU. (vi) Program Sustainable Optimal Service for OKU (SOS OKU) yang bertujuan memberikan pengetahuan dan kemahiran kepada guru Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) agar mereka dapat memberikan khidmat terbaik kepada kanak-kanak kurang upaya yang dilatih dalam bidang-bidang tertentu. Program ini bermula pada tahun 2010 yang melibatkan pakar dalam pelbagai bidang daripada PPSK, PPSG & HUSM dengan kerjasama Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Kelantan, KKM, YOKUK dan Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia. (vii) Program Inklusif Anak Cemerlang (PRINCE) di bawah kelolaan Program Audiologi PPSK yang bermula pada tahun 2011 telah dinaiktarafkan menjadi PRINCE USM pada September 2013 di bawah Kluster OKU. Naib Canselor telah bersetuju untuk menjadi Penaung dan Timbalan Naib Canselor BJIM sebagai Penasihat 1. Prince mendidik anak-anak OKU berumur 2–6 tahun secara inklusif bersama-sama anak staf USM yang normal. Kategori OKU ini termasuklah kanak-kanak pekak, autism, sindrom down dan masalah pembelajaran. (viii) Kluster OKU telah terlibat dalam Bengkel Akses Audit di St. Nicholas Home, Pulau Pinang pada 4–5 September 2013 anjuran Majlis Kebangsaan Orang Buta, Malaysia. Bengkel dua hari ini telah dihadiri oleh 50 peserta daripada pelbagai pertubuhan dan organisasi seperti kerajaan negeri, pihak berkuasa tempatan dan NGO. Bengkel ini menekankan teori dan aplikasi tentang elemen reka bentuk sejagat binaan yang dibina sebagai salah satu kaedah yang digunakan untuk meningkatkan akses terutama kepada golongan OKU. Bengkel ini telah memberikan kesedaran tentang isu-isu dan strategi dalam pelaksanaan konsep aksesibiliti yang berkesan dalam alam binaan.

Kluster	Aktiviti/Pencapaian
Kluster SME Assist	<p>Business Matching Programme</p> <p>Business Matching Programme siri pertama ini telah dianjurkan dengan kerjasama antara Pusat Pengajian Teknologi Industri (PPTI) dengan Kluster SME Assist pada 4 September 2013 di Pusat Pengajian Teknologi Industri.</p> <p>Program ini telah menasarkankan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dalam sektor makanan dan minuman (food and beverage sector) bersesuaian dengan kepakaran akademik yang terdapat di PPTI, khususnya dalam Program Teknologi Makanan, Teknologi Bioproses, dan Teknologi Persekitaran.</p> <p>Kerjasama antara USM dengan PKS ini penting bagi membantu meningkatkan keupayaan yang berdaya saing ke arah transformasi. Sebanyak 30 syarikat daripada PKS di Pulau Pinang telah menghadiri program tersebut.</p> <p>Melalui program tersebut, PPTI kini sedang dalam proses untuk menandatangani MoA melalui kerjasama dengan PKS sektor yang terlibat iaitu Syarikat Haliza Industry Sdn. Bhd. dan Judin Enterprise.</p>
Kluster Corporate Conscience Circle (3C)	<p>Antara aktiviti yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013 adalah seperti yang berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> (i) Bengkel CSR Train-the-Trainer kepada ahli-ahli Kluster 3C yang telah diadakan pada 26 Jun 2013 untuk berkongsi tentang kaedah serta amalan CSR industri dengan peserta bengkel. (ii) Simposium USM Corporate Conscience Circle (3C) telah dilaksanakan pada 18 Disember 2013 di Kompleks Siswa Cahaya, USM. Simposium ini bertemakan "<i>Advancing the Corporate Conscience Circle (3C)</i>" yang bertujuan menyampaikan mesej tentang Corporate Social Responsibility (CSR) dan University Social Responsibility (USR) kepada hampir 120 peserta.

Asia–Pacific University–Community Engagement Network (APUCEN)

Keahlian APUCEN

APUCEN telah menerima seramai 11 keahlian baharu pada tahun 2013 dari pelbagai institusi pengajian tinggi (IPT) di rantau Asia Pasifik. Hal ini menjadikan keahlian APUCEN telah meningkat menjadi 61 ahli institusi, 2 ahli bersekutu dan 1 ahli gabungan. Secara keseluruhannya, APUCEN kini mempunyai 64 ahli daripada 14 buah negara.

Mesyuarat APUCEN

Sebanyak tiga mesyuarat telah dilaksanakan oleh APUCEN sepanjang tahun 2013 seperti yang berikut:

a. Mesyuarat Majlis Serantau APUCEN ke-4

Mesyuarat telah diadakan di Hotel Grand Inna Muara, Padang, Indonesia pada 13 November 2013. Seramai 24 ahli APUCEN yang meliputi 8 ahli majlis, 11 ahli APUCEN dan 4 pemerhati dari IPT dan organisasi di Asia Pasifik telah hadir dan memberikan penekanan terhadap kelestarian jaringan kerja dan usaha sama ahli-ahli APUCEN. Satu projek libat sama komuniti perdana (flagship) telah dirangka dan akan dilaksanakan pada peringkat Asia Pasifik. Jaringan APUCEN di rantau ini akan diperluas melalui pelbagai langkah publisiti yang melibatkan usaha sama semua ahli. Selain itu, mesyuarat ini turut meluluskan tiga dokumen penting APUCEN

iaitu Kriteria Pengecualian Yuran Penyertaan, Kertas Kerja Tabung Amanah dan Garis Panduan Projek Perdana (Flagship).

Setelah itu, majlis APUCEN (Tea Gathering) turut diadakan pada sebelah petang dengan konsep santai untuk memberikan peluang kepada ahli-ahli berinteraksi dan membina jaringan serta ukhwah yang lebih rapat ke arah perkongsian hubungan yang lestari sesama ahli.

b. Mesyuarat APUCEN@Malaysia ke-2

Mesyuarat ke-2 APUCEN@Malaysia telah diadakan pada 21 Oktober 2013 di Universiti Teknikal Melaka (UTeM), Melaka. Mesyuarat peringkat kebangsaan ini telah dihadiri oleh 26 delegasi dari 17 buah IPT di seluruh Malaysia dan telah membincangkan projek serta aktiviti libat sama komuniti pada peringkat kebangsaan. Bidang tujahan (niche area) dan kekuatan bagi setiap ahli institusi APUCEN@Malaysia juga telah berjaya dikenal pasti semasa mesyuarat berlangsung.

c. Mesyuarat Publisiti APUCEN@Malaysia

Mesyuarat pertama publisiti APUCEN@Malaysia telah diadakan pada 20 Oktober 2013 di Hotel Seri Malaysia, Melaka. Seramai 4 ahli institusi APUCEN yang merupakan ahli jawatankuasa publisiti APUCEN telah menghadiri mesyuarat iaitu Universiti Teknikal Melaka (UTeM), Universiti Malaysia Sabah (UMS), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM). Strategi untuk meningkatkan publisiti dan pengiktirafan APUCEN sebagai rangkaian jaringan libat sama universiti komuniti pada peringkat rantau Asia Pasifik telah berjaya dirangka semasa mesyuarat diadakan.

d. Bengkel Libat Sama Universiti–Komuniti

Pada 11 November 2013, satu bengkel libat sama komuniti bertajuk “Constructing the Leadership Canvas in Community Engagement” telah dijalankan di Padang, Indonesia di bawah tajaan geran AKEPT, KPM. Seramai 20 peserta telah menyertai bengkel yang terdiri daripada ahli APUCEN dan pakar-pakar dalam libat sama komuniti dari Australia, Indonesia, Thailand, Jerman, United Kingdom, Brunei dan Malaysia. Bengkel ini telah berjaya mengenal pasti (1) Proses utama dalam libat sama universiti komuniti; (2) Peranan universiti dan komuniti; (3) Amalan terbaik dalam libat sama universiti komuniti; (4) Kepimpinan dan pembangunan kapasiti; dan (5) Penilaian kesan libat sama universiti komuniti. Bengkel yang julung kali dijalankan di rantau Asia Pasifik ini telah meletakkan batu asas yang kukuh untuk pembinaan kapasiti dalam libat sama komuniti di rantau ini.

e. 11th PASCAL International Observatory Conference, Hong Kong

APUCEN telah diberikan kepercayaan untuk menjadi penganjur bersama European Union Centre di RMIT bagi menganjurkan ‘11th PASCAL International Observatory Conference’ yang telah diadakan dengan jayanya di Hong Kong pada 18–20 November 2013. Persidangan ini bertujuan membincangkan pembentukan bandar yang mesra alam, selamat dan sihat, serta komuniti yang lebih lestari dan berdaya maju dari segi ekonomi. Sebuah kertas kerja tentang APUCEN telah diterbitkan dalam prosiding persidangan tersebut. Penglibatan APUCEN dalam acara antarabangsa ini berpotensi untuk memperluas jaringannya dengan institusi dan organisasi pada peringkat global dan hal ini sekali gus menonjolkan APUCEN sebagai sebuah jaringan penting dalam libat sama komuniti di rantau Asia Pasifik. Semasa persidangan, Y. Bhg. Dato’ Dr. See Ching Mey, Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat) juga telah dijemput untuk berucap tentang Kepentingan Libat Sama Universiti–Komuniti dan Peranan APUCEN.

f. Buletin APUCEN

Isu pertama Buletin APUCEN telah diterbitkan pada Januari 2014. Buletin ini memuatkan berita, aktiviti dan amalan terbaik libat sama universiti-komuniti untuk perkongsian maklumat sesama ahli APUCEN. Buletin APUCEN ini merupakan satu kaedah untuk menjadikan APUCEN sebagai pusat rujukan libat sama komuniti di rantau Asia Pasifik dan akan diterbitkan sebanyak 2 kali setahun.

Right Livelihood College (RLC) @ USM

Antara aktiviti utama yang dilaksanakan oleh RLC pada tahun 2013 adalah seperti yang berikut:

a. Jaringan

RLC@USM telah menganjurkan lawatan ke UNICEF pada 1 Februari 2013. Perjumpaan bersama anggota NGO juga telah diadakan semasa lawatan ini. Satu mesyuarat bersama wakil UNICEF iaitu Cik Vivina Belmonte dan Wakil Timbalan, Dr. Victor Karunan dengan Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri & Masyarakat), Pengarah Eksekutif APUCEN dan Penasihat Kehormat RLC@USM telah diadakan untuk membincangkan beberapa inisiatif kerjasama.

b. Aktiviti/Ceramah

Persatuan Pelajar USM iaitu AIESEC dan RLC telah menganjurkan program Community Service Carnival (CSC) yang ketiga dibawah projek L.O.V.E. (Lifting Others through Voluntary Engagement). Ia bertujuan meningkatkan kesedaran terhadap khidmat masyarakat dalam kalangan pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. Selain itu, karnival ini juga menggalakkan para remaja untuk terlibat dalam program-program kesukaralewanan. Program tiga hari ini melibatkan khidmat masyarakat, pameran oleh badan bukan kerajaan, ceramah dan juga bengkel.

RLC@USM telah dijemput menjadi penganjur bersama bagi program sivil komuniti yang diketuai oleh penerima Fellowship Asian Public Intellectual (API), Sayamol Kaiyoorawongs pada 2 Mei 2013. RLC@USM telah menguruskan lawatan ke beberapa NGO di Pulau Pinang. Ahli komuniti yang terlibat dalam program sivil ini adalah daripada Project for Ecological Awareness Building (EAB), Andaman Foundation (Save Andaman Network/SAN) dan 3 aktivis bebas sosial yang merupakan rakan jaringan EAB. Kesemua ahli ini telah terlibat dalam program komuniti di Trang dan Suratthanee, selatan Thailand.

RLC@USM dengan kerjasama CGSS dan Pejabat Antarabangsa USM telah menganjurkan bengkel kepada pelajar dari University of South Florida dalam program Health, Sustainability, Culture and Exceptionality in Malaysia pada 27 Jun 2013. Dato' Anwar telah dijemput sebagai fasilitator program ini.

c. Anugerah

Dato' Anwar Fazal, Penasihat Kehormat RLC@USM telah dipilih untuk menerima anugerah International Tower Person Award for Consumer Education 2013. Penyampaian anugerah ini telah diadakan di Kuala Lumpur pada 20 Jun 2013, anjuran Federation of Malaysia Consumer Association (FOMCA).

Geran–Program Pemindahan Ilmu Ke Industri/Komuniti (*Knowledge Transfer Program*)

Pada tahun 2013, staf USM telah berjaya mendapat geran bagi pelaksanaan 14 projek (termasuk tiga projek flagship) untuk Rolling Ketiga di bawah Skim Geran Program Pemindahan Ilmu dengan jumlah peruntukan sebanyak RM2,014,132.55.

Rumusan

Setelah enam tahun ditubuhkan, pelbagai aktiviti, projek dan program telah dilaksanakan untuk mengukuhkan asas terutama dari segi pentadbiran BJIM. Kini, BJIM telah berjaya menggerakkan langkahnya pada tahun 2013 yang merupakan tahun mencapai kecemerlangan, khasnya dalam bidang libat sama universiti–komuniti/universiti–industri. Hal ini jelas dapat dilihat melalui pencapaian cemerlang USM dalam Audit Penilaian Projek Khas APEX–Libat Sama Komuniti yang berjaya mencapai 100% dalam keputusan audit tersebut.

2,503 pelajar menjalani internship
di dalam negara

126 tokoh korporat dan individu profesional dilantik
sebagai Ahli Panel Penasihat Industri/Komuniti

11 keahlian baharu dalam Asia–Pacific University–
Community Engagement Network (APUCEN)

59 pelajar menjalani internship
di luar negara

A black and white photograph of a building facade. On the left, a large, bold, black letter 'M' is visible, with a vertical line to its right. Below the 'M', the text 'k 1969' is partially visible. The building is in the background, with a dense line of trees in front of it. In the foreground on the right, there are several branches of a plant with long, narrow, pointed leaves, possibly a palm or a similar species. The sky is overcast with soft clouds.

M
k 1969



LAPORAN

PEMBANGUNAN BAKAT

Pengenalan

Universiti Sains Malaysia memberikan penekanan terhadap bakat yang menjadi sumber penting dalam menggerakkan Universiti. Penekanan dan penambahbaikan berterusan dilaksanakan dalam memastikan bakat USM sentiasa berdaya saing dan berdaya maju dalam meningkatkan produktiviti ke arah kecemerlangan USM. Antara program yang dilaksanakan pada 2013 dan telah memberikan impak positif terhadap pembangunan bakat USM ialah:

a. Program MyCPD

Program MyCPD merupakan program latihan melalui pembelajaran berterusan yang telah dijadikan program tahunan Universiti sejak tahun 2008. Program ini telah disusun berasaskan Dasar Latihan Sektor Awam yang telah mensyaratkan supaya semua kakitangan kerajaan menjalani latihan sekurang-kurangnya tujuh hari dalam satu tahun perkhidmatan.

Melalui program ini, struktur pentadbiran dan pengurusan latihan bentuk terkini yang diimplementasi telah memberikan perspektif baru dan transformasi dalam impak latihan. Staf Universiti kini mentadbir diri sendiri dalam konteks pembangunan kompetensi dengan berasaskan indikator mata MyCPD yang diperolehi hasil daripada menjalani latihan.

Impaknya kepada pembangunan bakat ialah staf lebih peka terhadap keperluan pembangunan kompetensi melalui pengumpulan mata MyCPD yang akan diterjemahkan pula kepada markah Laporan Penilaian Prestasi Tahunan yang dinilai oleh penyelia.

Dalam tahun 2013, pengumpulan mata MyCPD oleh staf USM telah mencecah 89.76 peratus. Ini merupakan satu indikator yang baik yang menunjukkan Universiti tidak ketinggalan dalam mengemaskini kompetensi staf pada semua peringkat dan melaksanakannya secara konsisten.

b. Bakat Yang Baik (*Good Talent*)

Bagi mengukuhkan tonggak universiti ke arah masa hadapan yang cemerlang, USM sentiasa komited dalam mencari bakat terbaik melalui proses pemilihan staf yang sistematik dan bersepadu berdasarkan *standard* dan kriteria yang telah ditetapkan oleh Universiti.

Hasrat yang diketengahkan oleh Pengurusan Tertinggi Universiti dalam konteks pengambilan staf ialah USM bukan sahaja memerlukan staf yang cemerlang, kerana kecemerlangan boleh diasuh dan Universiti mempunyai kapasiti untuk pembangunan staf ke arah kecemerlangan. Namun yang lebih utama, perilaku dan sikap seseorang itu terhadap mencapai kecemerlangan dalam organisasi, serta mampu menghayati visi dan misi organisasi juga dititikberatkan dalam kriteria pengambilan.

Pada 2013, Universiti telah membuat pelantikan seramai 698 orang staf terdiri daripada 175 orang staf akademik, 117 orang staf pengurusan dan profesional dan 406 staf kumpulan pelaksana (sokongan).

c. Program *On-Boarding*

Program *On-Boarding* merupakan program baharu yang telah diperkenalkan oleh Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) dalam tahun 2013. Program ini disasarkan kepada semua staf yang baharu diterima untuk bertugas dengan Universiti.

Matlamat pelaksanaan program ini adalah dibezakan daripada matlamat Program Transformasi Minda yang diwajibkan kepada semua penjawat awam yang baru dilantik. Program Transformasi Minda menekankan dan memberi informasi berkenaan hal ehwal perkhidmatan awam termasuk beberapa nilai sepunya perkhidmatan awam yang diterapkan.

Berbeza dengan program *On-Boarding*, program ini berfokus kepada membentuk sejak awal seseorang staf baru supaya berorientasikan USM. Program ini adalah satu bentuk pemupukan bakat yang dimulakan oleh USM sejak staf mula melapor diri untuk bertugas. Melalui program ini, staf telah dididik untuk menghayati visi dan misi serta organisasi Universiti, serta pemupukan nilai dan teras Universiti APEX melalui sesi ceramah, kerja berkumpulan, forum dan latihan berpasukan.

Staf juga melalui program ini dapat membina jaringan hubungan dalaman yang amat penting untuk melaksanakan tugas masing-masing. Bukan ini sahaja, malah staf juga didedahkan dengan fungsi di luar bidang tugas mereka melalui sub-program sangkutan di pusat pentadbiran yang utama supaya staf lebih memahami realiti bagaimana Universiti ini melaksanakan fungsinya seharian.

Selain daripada itu, staf juga didedahkan dengan peluang dan kemajuan kerjaya peribadi supaya staf boleh merancang dan menentukan hala tuju perkhidmatan sehingga bersara wajib atau mana-mana pilihan yang mungkin diambil oleh staf tersebut dalam tempoh perkhidmatannya. Impaknya ialah staf mempunyai kejelasan yang baik dalam aspek kerjaya dan juga mengekalkan motivasi dalam perkhidmatannya dengan pihak Universiti secara khusus dan kerajaan secara amnya.

Sepanjang tahun 2013, terdapat dua program yang dilaksanakan secara serentak iaitu pada 1 Februari 2013 hingga 9 Februari 2013 yang melibatkan seramai 146 orang staf meliputi 53 orang bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 93 orang kumpulan Pelaksana.

d. Professional Administrator Development & Internship Program (PADI)

Program Pembangunan Profesional Pentadbir dan Latihan ini adalah bertujuan untuk meningkatkan kepakaran dan profesionalisme dalam pentadbiran pengurusan dan pendedahan dalam kepimpinan. Ia adalah program khas untuk pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Pentadbiran).

Program ini merupakan salah satu inisiatif pihak Pengurusan Tertinggi USM untuk menanda aras perkhidmatan akademik kepada bertaraf global. Justeru melalui usaha yang dilaksanakan ini, impak yang diperoleh adalah pendedahan peringkat antarabangsa yang diperoleh oleh pegawai pentadbiran serta peluang untuk meneroka kaedah baru atau mencipta inisiatif untuk menambah baik pengurusan dan pentadbiran Universiti serta menjadi pemangkin dalam pembangunan Universiti.

Pendedahan peringkat global ini adalah penting kepada pentadbir supaya lebih banyak aspek dapat dibandingkan dan ditambah baik di samping membina jaringan hubungan peringkat global dan juga membuka peluang jaringan hubungan pintar dengan agensi atau institusi akademik luar negara.

Program ini mempunyai pengisian seperti kursus dan bengkel di dalam dan luar negara. Pada tahun 2013 seramai 39 pegawai telah mengikuti program ini iaitu seramai 15 orang di luar negara dan 24 orang dalam negara.

e. Cuti Sabatikal

Cuti Sabatikal merupakan peruntukan yang diberikan oleh Universiti untuk tujuan para staf akademik mengembangkan bakat mereka melalui pendedahan dan kajian yang dilaksanakan dalam cuti sabbatical ini. Pihak Universiti telah menyediakan beberapa bentuk pembiayaan seperti elaun sara hidup dan beberapa elaun lain untuk memastikan keperluan staf akademik semasa melaksanakan sabbatical ini tidak terganggu.

Pihak Universiti memantau dengan teliti tiap-tiap staf yang telah diluluskan untuk bercuti sabbatical melalui perancangan bidang kajian yang perlu dikemukakan dan juga pelaporan cuti sabbatical selepas tamat tempoh bercuti. Hasil sabbatical ini akan dipantau oleh pihak ketua PTJ dan juga dibuat pelaporan kepada Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa.

Peruntukan program ini oleh pihak Universiti telah membantu PTJ akademik meningkatkan KPI selaras dengan keperluan PSPTN serta mengemaskini ilmu terkini dalam bidang-bidang spesifik yang diajar oleh para staf akademik.

Pada tahun 2013 seramai 101 staf akademik direkodkan telah mengambil cuti sabbatical meliputi 73 orang dari Kampus Induk, 23 orang dari Kampus Kejuruteraan dan 11 orang dari Kampus Kesihatan.

f. Cuti Belajar Pentadbiran

Peruntukan Cuti Belajar Pentadbiran yang dilaksanakan oleh Universiti adalah dengan matlamat untuk memperkasa dan mengukuhkan bakat serta profesionalisme di kalangan pentadbir (kumpulan staf Pengurusan & Profesional bukan akademik dan kumpulan staf Pelaksana). Peruntukan ini juga memberi ruang kepada pentadbir untuk memajukan diri sendiri dalam konteks kelayakan akademik.

Hasrat pemberian peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang lebih tinggi telah didukung dengan prinsip bahawa staf yang telah berjaya menamatkan pengajian akan kekal sebagai pentadbir dan tidak menjadi staf akademik; sekurang-kurangnya dalam tempoh kontrak tamat pengajian yang ditetapkan. Pihak Universiti mengharapkan supaya peluang yang diberikan ini akan dimanfaatkan sepenuhnya dan pemantauan yang teliti dan pelaporan berkala juga disyaratkan untuk menjamin kualiti atau output pengajian staf pentadbiran.

Pada tahun 2013 sejumlah 19 staf pentadbiran telah mendapat kemudahan Cuti Belajar dan perinciannya seperti berikut:

Peringkat	Doktor Falsafah	Sarjana	Sarjana Muda	Sijil/Diploma	Jumlah
Bilangan Staf	2	8	3	6	19

g **Bridging Programme**

Program ini bertujuan untuk menyahut hasrat kerajaan untuk menaik taraf para Pembantu Makmal di IPTA sebagai Penolong Pegawai Sains C27. Sesuai dengan penarafan Universiti Penyelidikan, Pembantu Makmal C17 yang lebih rutin tugasnya tidak lagi diperlukan dalam jumlah yang banyak. Penolong Pegawai Sains C27; dalam konteks yang lebih luas mampu untuk lebih berdikari dalam pentadbiran dan pengurusan makmal, serta mempunyai kelayakan serta kompetensi bersesuaian untuk melaksanakan tugas pada tahap atau penarafan makmal di peringkat universiti.

Program Peralihan (*Bridging Program*) setara dengan Peperiksaan Khas bagi tujuan lantikan secara KPSL Pembantu Makmal, Gred C17/22/26 ke Penolong Pegawai Sains, Gred C27. Pada 2013, seramai 50 peserta telah tamat dan lulus dengan jayanya pada tahun 2013.

h. **Rancangan Latihan Kakitangan Akademik (RLKA)**

RLKA adalah skim untuk melatih bakal pensyarah Universiti Sains Malaysia dengan menyediakan biasiswa bagi tujuan melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana dan atau Ijazah Kedoktoran. Felo yang telah tamat pengajian dengan jayanya dan memenuhi syarat akan dilantik sebagai Pensyarah Universiti.

Sepanjang tahun 2013, Universiti telah pun meluluskan penajaan kepada 63 orang felo bagi memulakan pengajian peringkat Sarjana dan Ijazah Kedoktoran yang menyambung pengajian ke Universiti dalam dan luar negara. Manakala felo aktif sedia ada berjumlah seramai 484 orang. Ini menjadikan jumlah keseluruhan felo RLKA pada 2013 ialah seramai 547 orang.

i. **Rancangan Pendidikan Tinggi Kakitangan Akademik (RPTKA)**


Universiti Sains Malaysia yang menyediakan biasiswa bagi tujuan staf akademik universiti yang sedang berkhidmat untuk melanjutkan pengajian pada peringkat Ijazah Sarjana dan/atau Ijazah Kedoktoran. Skim ini membuka peluang untuk staf akademik meningkatkan kelayakan akademik untuk tujuan laluan kerjaya yang lebih baik.

Sepanjang tahun 2013, Universiti telah pun membiayai seramai 20 orang staf yang diluluskan untuk melanjutkan pengajian ke Universiti dalam dan luar negara.

j. **Pelan Penggantian**

USM telah merangka plan penggantian dalam kalangan staf akademik dan pentadbiran dengan tujuan melestarian kepimpinan USM bagi memastikan kelangsungan Transformasi Pengajian Tinggi adalah Misi utama dalam merealisasikan plan penggantian ini adalah seperti berikut:

- i) Mengenalpasti kekuatan kepimpinan dan keperluan kompetensi bagi jawatan utama dan jawatan penting pentadbiran di USM
- ii) Mengenalpasti calon-calon yang berpotensi untuk program plan penggantian
- iii) Merancang kehadiran calon ke program yang dikenalpasti bagi tujuan plan penggantian
- iv) Memantau dan melaporkan perkembangan calon kepada Pengurusan Tertinggi USM




2 Mac 2013 – Utusan Malaysia

k. Organisasi Kejat

Pada 2013, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM) telah melaksanakan transformasi sumber manusia bagi mewujudkan organisasi kejat. Hasrat ini turut diberikan penekanan oleh Naib Canselor di dalam Perutusan Tahunan Naib Canselor melalui BUKU 2013. Beberapa siri makmal secara dalaman dilaksanakan untuk menentukan fokus transformasi yang boleh dilaksanakan secara jangka pendek dan jangka panjang. Perincian pelaksanaan transformasi sumber manusia melalui organisasi kejat seperti rajah berikut:

Transformasi Sumber Manusia Melalui Organisasi Kejat



Rumusan

Penekanan dalam menyediakan bakat yang mempunyai kompetensi, berilmu, berdaya maju dan berdaya saing menjadi asas utama pembangunan bakat USM. Kepercayaan dan keyakinan bahawa bakat adalah aset penting terhadap perkembangan Universiti telah berjaya melonjakkan pencapaian Universiti merangkumi akademik, penyelidikan, pengurusan Universiti dan menaikkan imej Universiti di persada antarabangsa.

146 staf mengikuti *Bridging Programe*

101 staf mengambil cuti sebatikal

19 staf pentadbiran diluluskan cuti belajar

547 felo Rancangan Latihan Kakitangan Akademik mengikuti pengajian di dalam dan luar negara





LAPORAN

**PEMBANGUNAN
INFRASTRUKTUR**



Pengenalan

Pada tahun 2013, Projek Infrastruktur yang dilaksanakan oleh USM adalah seperti berikut:

a. Pengurusan Projek

Kaedah pelaksanaan pengurusan projek-projek pembangunan dan ubahsuaian serta naiktaraf di USM dipecahkan kepada 2 kategori:

- i. Projek-projek pembangunan (ruang baru) di bawah kendalian pihak perunding yang dilantik oleh USM
- ii. Projek-projek naiktaraf, ubahsuaian dan infrastruktur di bawah kendalian terus oleh Jabatan Pembangunan USM

Pada tahun 2013 USM telah menyiapkan projek di bawah Rancangan Malaysia Ke-10 iaitu Bangunan/Peralatan Hospital Universiti Pakej 1-Pentadbiran, Trauma, 'Day Care' dan Dobi bernilai RM95.5 juta.

Manakala kerja ubahsuaian dan naik taraf serta pembaikan infrastruktur, Jabatan Pembangunan telah melaksanakan sebanyak 234 projek dengan kos keseluruhan sebanyak RM26,783,824.00 merangkumi Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan dan Institut Perubatan & Pergigian Termaju (IPPT).

Keseluruhan kerja-kerja naiktaraf yang dilaksanakan adalah untuk meningkatkan kemudahan dan perkhidmatan bangunan bagi memastikan aktiviti pengajaran dan penyelidikan dapat berjalan dengan lancar dan teratur sesuai dengan keperluan semasa. Skop lain juga termasuk penambahbaikan kediaman dan penginapan pelajar di Desasiswa agar dapat menyediakan suasana yang lebih kondusif kepada para pelajar.



b. Pengurusan Penyenggaraan

Jabatan Pembangunan mempunyai Sistem CMMS-BEAM bagi memantau setiap aduan kerosakan bermula dari proses penerimaan aduan, pengagihan docket, pelaksanaan kerja, maklum balas penyediaan serta pengisian Borang Maklum Balas dari pengguna. Sistem ini boleh dicapai melalui pelbagai akses seperti email, panggilan telefon, memo dan berurusan terus di Pusat Aduan Pelanggan.

Skop kerja-kerja perkhidmatan pembaikan yang dilaksanakan adalah merangkumi kerja-kerja pembaikan dalam bidang Kejuruteraan Awam, Elektrikal, Mekanikal dan pembersihan bangunan dan persekitaran kampus.

Sepanjang tahun 2013, kos pengurusan penyenggaraan dan kos operasi (seperti bil elektrik dan air) adalah berjumlah RM63 juta merangkumi Kampus Induk, Kampus Kejuruteraan, Kampus Kesihatan dan Institut Perubatan & Pergigian Termaju (IPPT).



Rumusan

Kemudahan untuk menjalankan penyelidikan, kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang sentiasa berada pada tahap sedia guna dan mesra pengguna memerlukan perancangan pembangunan dan penyelenggaraan yang konsisten dan berkesan. Universiti sentiasa berusaha untuk menyediakan kemudahan prasarana terbaik kepada warganya supaya dapat bersaing di peringkat global.

234 Projek ubahsuai
naiktaraf dan pembaikan
infrastruktur telah dilaksanakan

RM95.5 juta
kos pembinaan pakej 1-Pentadbiran,
Trauma, 'Day Care' dan Dobi di
Hospital Universiti

RM63 juta
kos pengurusan penyenggaraan dan
kos operasi (seperti bil elektrik dan air)





LAPORAN
INFOSTRUKTUR



Pengenalan

Penyediaan infostruktur yang bersesuaian mempunyai peranan sebagai pemangkin dan rakan kerja pada entiti pentadbiran, penyelidikan, pengajaran dan pembelajaran pada peringkat setempat dan serantau.

Perkhidmatan yang disediakan oleh Universiti merangkumi:

- i. Infrastruktur Rangkaian Komputer dan Telekomunikasi
- ii. Aplikasi Pentadbiran Universiti
- iii. Fasiliti Pengkomputeran dan Perkhidmatan Sokongan

272 telesidang
dikendalikan

RM1,610,880
penjimatan kos perjalanan



Sepanjang tahun 2013, pelbagai aktiviti telah dilaksanakan dan diantaranya ialah:

Bil.	Aktiviti	Pencapaian (Output)	Impak (Outcome)
1	Pembangunan aplikasi bagi memantapkan operasi pentadbiran dan pengurusan.	i. 26 aplikasi baru diwujudkan ii. 12 aplikasi yang ditambahbaikkan iii. 15 laman web rasmi dibangunkan iv. 7 web streaming diwujudkan	Penjimatan terhadap universiti dari segi kos pembangunan dan penyelenggaraan.
2	Latihan ICT yang dikendalikan secara dalaman untuk kursus ICT umum dan ICT khusus.	i. 57 kursus ICT umum dianjurkan kepada 1,355 peserta ii. 3 kursus ICT khusus dianjurkan kepada 56 peserta dari Skim F	Latihan ICT yang memfokuskan keperluan Universiti bagi meningkatkan produktiviti staf dalam menjalankan urusan kerja mereka seharian.
3	Telesidang	272 telesidang telah dikendalikan	Penjimatan kos sebanyak RM1,610,880.
4	Telefon	125 pemasangan baru dan 776 pembaikan	Pengurusan secara dalaman menjimatkan dan mencepatkan proses pemberian perkhidmatan.
5	Aduan pengguna terhadap ServisDesk@PPKT	6,196 aduan telah diterima dan kesemuanya dapat diselesaikan	Meningkatkan kualiti perkhidmatan menerusi pemantauan dan khidmat nasihat.



ATTENTIONS



LAPORAN

KEWANGAN

Pendapatan Mengurus

Pendapatan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2013 adalah sebanyak RM963,145,383 iaitu 18.4% lebih rendah daripada pendapatan mengurus tahun 2012, yang berjumlah RM1,179,552,037. Pemberian daripada kerajaan berjumlah RM861,082,271 atau 89.4% daripada jumlah pendapatan keseluruhan. Manakala yuran pelajar pula berjumlah RM64,295,683 atau 6.7%. Pendapatan lain berjumlah RM37,767,429 atau 3.9%. Jadual di bawah meringkaskan pendapatan mengurus untuk tempoh 2 tahun.

	Tahun 2013		Tahun 2012	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Pemberian Kerajaan	861.1	89.4	1,090.2	92.4
Yuran Pelajar	64.3	6.7	64.2	5.5
Pendapatan Lain	37.8	3.9	25.1	2.1
Jumlah	963.2	100	1,179.5	100

Perbelanjaan Mengurus

Perbelanjaan mengurus Universiti Sains Malaysia pada tahun 2013 adalah berjumlah RM976,800,608 iaitu 14.8% lebih rendah daripada perbelanjaan mengurus tahun 2012 berjumlah RM1,146,506,302. Sebahagian besar daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan iaitu sebanyak RM653,351,950 atau 66.94% adalah untuk pembayaran emolumen. Perbelanjaan emolumen telah meningkat sebanyak 1.0% berbanding dengan perbelanjaan emolumen tahun 2012. Manakala baki 33.1% atau RM323,448,658 adalah untuk perbelanjaan bukan emolumen. Perbelanjaan bukan emolumen telah menurun sebanyak 35.3 % iaitu daripada RM499,683,086 pada tahun 2012 kepada RM323,448,658 pada tahun 2013. Jadual 2 meringkaskan perbelanjaan mengurus untuk tempoh 2 tahun.

	Tahun 2013		Tahun 2012	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Emolumen	653.4	66.9	6,46.8	56.4
Perkhidmatan dan Bekalan	268.3	27.5	278.1	24.2
Pembelian Harta Modal	22.1	2.3	20.6	1.8
Pemberian dan Kenaan Tetap	21.5	2.2	185.3	16.2
Perbelanjaan Lain	11.5	1.2	15.7	1.4
Jumlah	976.8	100	1,146.5	100

Secara keseluruhan, kurangan pendapatan atas perbelanjaan mengurus Universiti adalah berjumlah RM13,655,225 iaitu (141.3%) lebih rendah daripada kelebihan pada tahun 2012 sebanyak RM33,045,735. Sehubungan dengan ini, jumlah baki lebihan terkumpul perbelanjaan mengurus tahun 2013 berjumlah RM68,813,040 telah menurun sebanyak RM13,655,226 atau 16.6% berbanding lebihan RM82,468,266 pada tahun 2012.

	Tahun 2013	Tahun 2012
	RM Juta	RM Juta
Pendapatan	963.2	1,179.5
Tolak : Perbelanjaan	976.8	1,146.5
Lebihan untuk tahun	(13.6)	33.0
Lebihan terkumpul awal tahun	82.4	49.4
Lebihan terkumpul akhir tahun	<u>68.8</u>	<u>82.4</u>

Pendapatan Pembangunan

Pendapatan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2013 adalah berjumlah RM34,834,420 (untuk tujuan Projek Fundamental Research Grant Scheme) iaitu 21.4% lebih rendah daripada pendapatan pembangunan tahun 2012 berjumlah RM44,336,653.

Perbelanjaan Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan Universiti Sains Malaysia pada tahun 2012 adalah berjumlah RM75,594,239 (termasuk RM23,391,766–FRGS) iaitu (48.2%) lebih rendah daripada perbelanjaan pembangunan tahun 2012 berjumlah RM145,934,760 (termasuk RM20,490,222–FRGS). Perbelanjaan pembangunan dapat diringkaskan kepada perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan kemudahan, alat kelengkapan serta bekalan dan perkhidmatan lain. Perbelanjaan untuk tanah, bangunan dan infrastruktur bagi tujuan pembangunan pada tahun 2013 berjumlah RM38,705,135 iaitu (40.7%) lebih rendah daripada perbelanjaan pada tahun 2012 berjumlah RM65,227,984. Jadual berikut menunjukkan secara terperinci perbandingan pecahan perbelanjaan pembangunan yang telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 dan 2012.

	Tahun 2013		Tahun 2012	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Tanah, Bangunan dan Kemudahan	38.7	51.2	65.2	44.7
Alat Kelengkapan	16.3	21.6	62.2	42.6
Bekalan dan Perkhidmatan Lain	20.6	27.2	18.5	12.7
Jumlah	75.6	100	145.9	100

Terdapat kurangan pendapatan atas perbelanjaan pembangunan pada tahun 2013 berjumlah RM40,759,819 (termasuk RM11,442,653–FRGS) berbanding dengan kurangan pendapatan atas perbelanjaan pada tahun 2012 berjumlah RM101,598,107 (termasuk RM23,846,431–FRGS) menurun sebanyak RM60,838,288 atau 59.9%. Lebihan pendapatan terkumpul pada tahun 2013 berjumlah RM137,011,092 (termasuk RM66,021,299–FRGS) telah menurun sebanyak RM40,157,983 (22.7%) banding lebihan terkumpul pembangunan daripada RM177,169,075 (termasuk RM54,578,645–FRGS) pada tahun 2012 seperti jadual di bawah.

	Tahun 2013	Tahun 2012
	RM Juta	RM Juta
Pendapatan	34.8	44.3
Tolak : Perbelanjaan	75.6	145.9
Kurangan untuk tahun	(40.8)	(101.6)
Pelarasan IDB	0.6	44.6
Lebihan terkumpul awal tahun	177.2	234.2
Lebihan terkumpul akhir tahun	137.0	177.2

Pendapatan Penyelidikan E-Science

Pendapatan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2013 adalah berjumlah RM3,119,126 iaitu (20.3%) lebih rendah berbanding pada tahun 2012 berjumlah RM3,912,184 daripada kerajaan. Pemberian wang ini merupakan peruntukan untuk membiayai projek-projek penyelidikan jangka pendek.


Perbelanjaan Penyelidikan E-Science

Perbelanjaan penyelidikan E-Science Universiti Sains Malaysia pada tahun 2013 adalah berjumlah RM2,957,839 iaitu (67.8%) lebih tinggi berbanding pada tahun 2012 berjumlah RM1,762,237. Daripada jumlah ini, 11.2% ialah perbelanjaan untuk alat kelengkapan dan baki sebanyak 88.8% ialah perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan yang lain. Perbelanjaan ke atas alat kelengkapan telah menurun sebanyak 8.7% dalam tahun 2013 berbanding tahun 2012. Manakala bagi perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan lain pula meningkat sebanyak 87.7% dalam tahun 2013 berbanding tahun 2012. Ini dapat dilihat dengan jelas di dalam jadual di bawah.

	Tahun 2013		Tahun 2012	
	RM Juta	%	RM Juta	%
Alat Kelengkapan dan Buku	0.3	11.2	0.3	20.5
Bekalan dan Perkhidmatan Lain	2.6	88.8	1.4	79.5
Jumlah	2.9	100	1.7	100


Pendapatan Kumpulan Wang 2009-2013

TAHUN



- Mengurus
- Pembangunan
- Am
- Enterprise
- Universiti Penyelidikan
- APEX


Pecahan Pendapatan 2009-2013



- Yuran Pengajian
- Sewa
- Faedah & Dividen
- Sumbangan
- Perkhidmatan Hospital
- Pendapatan Lain

Perbelanjaan Kumpulan Wang 2009-2013


TAHUN



JUTA (RM)


- Mengurus
- Pembangunan
- Pembangunan Universiti
- Am
- Enterprise
- APEX
- Universiti Penyelidikan

Pecahan Belanja 2009-2013




Peruntukan, Pendapatan & Perbelanjaan 2009-2013

JUTA (RM)





- Peruntukan
- Pendapatan
- Perbelanjaan

Peruntukan Belanja Mengurus 2009-2013





Harta Bersih 2009-2013





■ Mengurus
 ■ Pembangunan
 ■ Am
 ■ Enterprise
 ■ Universiti Penyelidikan
 ■ APEX



■ Mengurus
 ■ Pembangunan
 ■ Am
 ■ Enterprise
 ■ Universiti Penyelidikan
 ■ APEX

PENYATA KEWANGAN

Penyata Lembaga Gabenor Universiti	112
Pengakuan Oleh Pegawai Utama Yang Bertanggungjawab Ke Atas Pengurusan Kewangan Universiti Sains Malaysia	113
Lembaran Imbangan	114
Penyata Pendapatan	116
Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang	117
Penyata Aliran Tunai	118
Nota Kepada Penyata Kewangan	120



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan Pada 31 Disember 2013 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Kumpulan Wang serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

Tanggungjawab Lembaga Gabenor Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Gabenor bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Universiti Dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30). Lembaga Gabenor juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Tanggungjawab Juruaudit

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai

kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

Pendapat

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Sains Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2013 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia kecuali yang dinyatakan di perenggan *Emphasis of Matter*.

Saya telah mempertimbangkan penyata kewangan dan laporan juruaudit bagi semua syarikat subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam nota kepada penyata kewangan. Saya berpuas hati bahawa penyata kewangan berkenaan telah disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Sains Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan wajar bagi tujuan penyediaan penyata kewangan. Saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut. Laporan juruaudit mengenai penyata kewangan syarikat subsidiari berkenaan tidak mengandungi sebarang pemerhatian yang boleh menjejaskan penyata kewangan.


Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap projek universiti yang dilaksanakan oleh syarikat subsidiari milik penuh Universiti Sains Malaysia iaitu Sanggar Sains Sdn. Berhad dan sebuah syarikat yang lain. Bayaran terhadap kos projek berjumlah RM12.49 juta termasuk bayaran operasi kedua-dua syarikat tersebut berjumlah RM7.32 juta telah diperakaunkan dalam penyata kewangan Universiti Sains Malaysia bagi tahun kewangan 2008 hingga 2011. Tiada dokumen kontrak mengenai pelaksanaan projek ditandatangani antara Universiti Sains Malaysia dengan kedua-dua syarikat tersebut bagi menjamin kepentingan universiti.



(DATUK HJ. ANWARI BIN SURI)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
25 JULAI 2014



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENYATA Pengerusi dan seorang Ahli Lembaga Gabenor Universiti
(AKAUN KUMPULAN)

Kami, **TAN SRI DATUK DR. ZULKEFLI A. HASSAN** dan **PROFESOR DATO' DR. OMAR OSMAN** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Gabenor **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Gabenor, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **UNIVERSITI SAINS MALAYSIA** pada 31 Disember 2013 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga,



.....
TAN SRI DATUK DR. ZULKEFLI A. HASSAN
Pengerusi Lembaga Gabenor

Tarikh : **12 MAR 2014**

Tempat : Pulau Pinang

Bagi Pihak Lembaga,



.....
PROFESOR DATO' DR. OMAR OSMAN
Ahli Lembaga Gabenor

Tarikh : **12 MAR 2014**

Tempat : Pulau Pinang

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Saya, ROHAYATI MOHD ISA (No K/P : 650131-08-6356) pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya
diakui oleh penama di atas
di **Seberang Jaya Pulau Pinang**
pada **12 MAR 2014**



ROHAYATI MOHD ISA



No. 2B, Jalan Todak 3,
Bandar Seberang,
13700 Seberang Jaya, P. Pinang.

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
LEMBARAN IMBANGAN
PADA 31 DISEMBER 2013**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN	4	1,123,739,172	1,124,193,609	1,121,969,773	1,122,112,924
KERJA DALAM KEMAJUAN	5	97,705,793	187,637,446	97,705,793	187,637,446
PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI	6	-	-	5,000,002	5,000,002
PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN	7	3,868,744	3,956,372	-	-
PELABURAN SYARIKAT USAHASAMA	8	818,396	527,448	-	-
PELABURAN JANGKA PANJANG	9	1,155,000	1,155,000	1,155,000	1,155,000
		1,227,287,105	1,317,469,875	1,225,830,568	1,315,905,372
ASET SEMASA					
Inventori	10	390,533	469,881	384,245	462,274
Pelaburan Jangka Pendek	11	15,100,632	13,395,468	14,669,075	13,083,911
Penghutang Pinjaman	12	8,641,307	9,555,098	8,641,307	9,555,098
Penghutang Perniagaan dan Pelbagai	13	44,094,112	125,904,766	39,488,477	122,109,179
Hutang dari Syarikat Subsidiari	14	-	-	5,203,008	7,809,923
Hutang dari Syarikat Sub - Subsidiari	15	-	-	1,915,423	1,092,168
Cagaran dan Prabayar	16	4,489,673	4,717,565	4,489,673	4,717,565
Simpanan Tetap	17	699,747,521	622,194,672	674,473,678	596,745,891
Wang Di Tangan dan Di Bank	18	94,757,478	110,942,764	83,138,081	103,639,742
		867,221,256	887,180,214	832,402,967	859,215,751
LIABILITI SEMASA					
Pemiutang Perniagaan dan Pelbagai	19	112,639,137	116,953,052	90,580,974	101,551,084
Cagaran	20	13,288,141	15,428,855	13,288,141	15,428,855
Biasiswa / Dermasiswa	21	7,364,464	7,451,829	7,364,464	7,451,829
Terhutang kepada Pengarah Syarikat Subsidiari	22	2	2	-	-
Geran Jangka Pendek	23	110,849	304,602	-	-
Cukai		194,147	379,420	-	-
		133,596,740	140,517,760	111,233,579	124,431,768
ASET SEMASA BERSIH		733,624,516	746,662,454	721,169,388	734,783,983
		1,960,911,621	2,064,132,329	1,946,999,956	2,050,689,355

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
DIBIYAI OLEH:					
KUMPULAN WANG MENGURUS	24	143,609,054	164,607,171	143,609,054	164,607,171
KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN UNIVERSITI	25	120,807,091	129,855,218	120,807,091	129,855,218
KUMPULAN WANG AM	26	295,860,750	294,046,623	295,860,750	294,046,623
KUMPULAN WANG ENTERPRISE	27	192,654,322	189,910,289	192,794,667	190,050,634
KUMPULAN WANG UNIVERSITI PENYELIDIKAN	28	87,801,631	45,619,894	87,801,631	45,619,894
KUMPULAN WANG APEX	29	66,737,504	101,300,039	66,737,504	101,300,039
KEUNTUNGAN TERSIMPAN SYARIKAT SUBSIDIARI		13,751,114	13,399,545	-	-
		921,221,466	938,738,779	907,610,697	925,479,579
REZAB MODAL	30	529,996	474,592	418,225	362,821
GERAN PEMBANGUNAN KERAJAAN	31	998,798,354	1,085,587,224	998,798,354	1,085,587,224
CUKAI TERTUNDA	32	189,125	72,003	-	-
MANFAAT PEKERJA		40,172,680	39,259,731	40,172,680	39,259,731
		1,960,911,621	2,064,132,329	1,946,999,956	2,050,689,355

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PENDAPATAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

	NOTA	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
PENDAPATAN					
Pemberian Kerajaan - Belanja Mengurus		861,082,271	1,090,200,000	861,082,271	1,090,200,000
Pemberian Kerajaan - Apex		30,000,000	-	30,000,000	-
Pemberian Kerajaan - Universiti Penyelidikan		100,000,000	-	100,000,000	-
Pemberian Kerajaan - E-Science		3,119,126	3,912,184	3,119,126	3,912,184
Yuran Pengajian		97,531,626	92,219,179	97,531,626	92,219,179
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan		122,225,125	115,633,948	122,225,125	115,633,948
Sewa		9,525,946	9,288,145	8,226,845	7,956,624
Dividen		1,293,950	791,895	1,668,950	1,166,895
Faedah		24,040,710	20,060,906	23,321,722	19,262,040
Perkhidmatan Hospital		12,034,727	10,310,710	10,647,332	9,387,680
Sumbangan	33	39,211,468	61,680,879	39,211,468	61,680,879
Pendapatan Lain	34	59,229,501	53,281,533	33,312,720	27,821,169
		1,359,294,450	1,457,379,379	1,330,347,185	1,429,240,598
PERBELANJAAN					
Emolumen		691,482,527	683,905,726	683,807,501	676,871,993
Perkhidmatan dan Bekalan		433,414,727	444,096,450	415,404,669	427,714,203
Pembelian Harta Modal		15,619,694	17,708,175	15,619,694	17,708,175
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap		36,189,726	51,597,840	36,189,726	51,597,840
Elaun Untuk Hutang Ragu		4,590,709	7,375,572	4,590,709	7,375,572
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan		211,921	115,818	67,960	85,825
Susutnilai		185,047,821	186,142,152	184,285,085	185,423,565
Perbelanjaan Lain		9,246,943	10,850,140	8,089,934	9,851,597
		1,375,804,068	1,401,791,873	1,348,055,278	1,376,628,770
(Kurangan) / Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Sebelum Cukai		(16,509,618)	55,587,506	(17,708,093)	52,611,828
Cukai	35	(1,007,695)	(1,144,652)	(160,789)	(133,714)
(Kurangan) / Lebihan Pendapatan Atas Perbelanjaan Selepas Cukai		(17,517,313)	54,442,854	(17,868,882)	52,478,114

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG
PADA 31 DISEMBER 2013

KUMPULAN	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	Kumpulan Wang Apex	Keuntungan Tersimpan Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2012	149,084,863	138,903,345	292,726,923	180,849,596	39,907,614	71,763,779	11,760,826	884,996,946
Kelebihan / (Kekurangan) Bersih Bagi Tahun	15,528,808	(9,048,127)	1,193,200	9,180,693	5,712,280	29,536,260	2,339,740	54,442,854
Pelarasan Tahun Lalu	-	-	-	-	-	-	(701,021)	(701,021)
Pindahan	(6,500)	-	126,500	(120,000)	-	-	-	-
	15,522,308	(9,048,127)	1,319,700	9,060,693	5,712,280	29,536,260	1,638,719	53,741,833
Pada 31 Disember 2012	164,607,171	129,855,218	294,046,623	189,910,289	45,619,894	101,300,039	13,399,545	938,738,779
Kelebihan / (Kekurangan) Bersih Bagi Tahun	(20,998,117)	(9,048,127)	(1,073,873)	2,594,033	45,181,737	(34,524,535)	351,569	(17,517,313)
Pindahan	-	-	2,888,000	150,000	(3,000,000)	(38,000)	-	-
	(20,998,117)	(9,048,127)	1,814,127	2,744,033	42,181,737	(34,562,535)	351,569	(17,517,313)
Pada 31 Disember 2013	143,609,054	120,807,091	295,860,750	192,654,322	87,801,631	66,737,504	13,751,114	921,221,466

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA PERUBAHAN DALAM KUMPULAN WANG UNIVERSITI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013

UNIVERSITI	Kumpulan Wang Mengurus	Kumpulan Wang Pembangunan Universiti	Kumpulan Wang Am	Kumpulan Wang Enterprise	Kumpulan Wang Universiti Penyelidikan	Kumpulan Wang Apex	Keuntungan Tersimpan Syarikat Subsidiari	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari 2012	149,084,863	138,903,345	292,726,923	180,614,941	39,907,614	71,763,779	-	873,001,465
Kelebihan / (Kekurangan) Bersih Bagi Tahun	15,528,808	(9,048,127)	1,193,200	9,555,693	5,712,280	29,536,260	-	52,478,114
Pindahan	(6,500)	-	126,500	(120,000)	-	-	-	-
	15,522,308	(9,048,127)	1,319,700	9,435,693	5,712,280	29,536,260	-	52,478,114
Pada 31 Disember 2012	164,607,171	129,855,218	294,046,623	190,050,634	45,619,894	101,300,039	-	925,479,579
Kelebihan / (Kekurangan) Bersih Bagi Tahun	(20,998,117)	(9,048,127)	(1,073,873)	2,594,033	45,181,737	(34,524,535)	-	(17,868,882)
Pindahan	-	-	2,888,000	150,000	(3,000,000)	(38,000)	-	-
	(20,998,117)	(9,048,127)	1,814,127	2,744,033	42,181,737	(34,562,535)	-	(17,868,882)
Pada 31 Disember 2013	143,609,054	120,807,091	295,860,750	192,794,667	87,801,631	66,737,504	-	907,610,697

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI				
Lebihan / (Kurangan) pendapatan atas perbelanjaan sebelum cukai	(16,509,618)	55,587,506	(17,708,093)	52,611,828
Pelarasan untuk:				
Susutnilai	185,047,862	186,142,154	184,285,085	185,423,565
Pendapatan dividen	(1,293,950)	(791,895)	(1,668,950)	(1,166,895)
Faedah diterima	(23,275,399)	(19,381,055)	(23,270,702)	(19,262,039)
Pelunasan Geran Pembangunan Kerajaan	(122,225,125)	(115,633,948)	(122,225,125)	(115,633,948)
Pelunasan geran aset	(214,031)	(250,196)	-	-
Pelunasan geran perbelanjaan	(202,964)	(662,392)	-	-
Rosot nilai saham	-	225,039	-	25,000
Rosot nilai akibat kejatuhan nilai pelaburan tidak lagi diperlukan	(828,686)	(439,706)	(828,686)	(439,706)
Pelupusan hartanah,loji dan peralatan	211,921	115,818	67,960	85,825
Elaun untuk hutang ragu	4,590,709	7,375,572	4,590,709	7,375,572
Elaun hutang ragu tidak lagi diperlukan	(1,487,481)	(1,964,375)	(1,465,748)	(1,877,653)
Keuntungan Syarikat Usahasama	(290,948)	(269,826)	-	-
Keuntungan pelupusan pelaburan jangka pendek	559	-	-	-
Manfaat Pekerja	912,949	6,185,147	912,949	6,185,147
Keuntungan operasi sebelum perubahan dalam modal kerja	24,435,798	116,237,843	22,689,399	113,326,696
Inventori	79,348	(25,060)	78,029	(22,043)
Penghutang	82,443,195	(87,020,748)	82,421,084	(85,332,462)
Pemiutang	(8,630,024)	16,053,783	(13,198,189)	15,732,165
Tunai dijanakan daripada aktiviti operasi	98,328,317	45,245,818	91,990,323	43,704,356
Pembayaran Cukai	(1,185,522)	(985,101)	(160,789)	(133,714)
Tunai bersih dari / (digunakan dalam) aktiviti operasi	97,142,795	44,260,717	91,829,534	43,570,642

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN

Perolehan hartanah, loji dan peralatan	Nota A	(48,374,142)	(113,459,868)	(47,799,759)	(113,116,482)
Tambahan kerja dalam kemajuan		(46,478,482)	(81,301,726)	(46,478,482)	(80,706,911)
Penjualan pelaburan jangka panjang		-	5,250,000	-	5,000,000
Pembelian pelaburan jangka pendek		(821,074)	(653,387)	(701,074)	(653,387)
Pelupusan hartanah,loji dan peralatan		66,000	-	-	-
Dividen diterima		1,293,950	791,895	1,668,950	1,166,895
Faedah diterima		23,275,399	19,381,055	23,270,702	19,262,039
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan		(71,038,349)	(169,992,031)	(70,039,663)	(169,047,846)

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PEMBIAYAAN

Geran Pembangunan Kerajaan		34,834,420	43,729,753	34,834,420	43,729,753
Pembiayaan IDB		601,835	44,624,224	601,835	44,624,224
Pembayaran pendahuluan		(494,250)	-	-	-
Geran diterima		223,242	126,788	-	-
Tunai bersih dari aktiviti pembiayaan		35,165,247	88,480,765	35,436,255	88,353,977
Kelebihan / (Kekurangan) bersih dalam tunai dan kesetaraan tunai		61,269,693	(37,250,549)	57,226,126	(37,123,227)
Tunai dan tunai setara pada 1 Januari		<u>730,545,156</u>	<u>768,046,496</u>	<u>700,385,633</u>	<u>737,508,860</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember		<u>791,814,849</u>	<u>730,795,947</u>	<u>757,611,759</u>	<u>700,385,633</u>
Simpanan Jangka Pendek		698,256,843	620,607,407	674,473,678	596,745,891
Wang tunai dan baki di bank		93,558,006	110,188,540	83,138,081	103,639,742
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Disember		<u>791,814,849</u>	<u>730,795,947</u>	<u>757,611,759</u>	<u>700,385,633</u>

NOTA A :

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2013 RM	2012 RM	2013 RM	2012 RM
Jumlah perolehan hartanah, loji dan peralatan	(184,784,277)	(403,542,146)	(184,209,894)	(403,198,760)
Campur: Penambahan hartanah, loji dan peralatan yang tidak melibatkan transaksi tunai:				
Pindahan daripada kerja dalam kemajuan	136,410,135	290,082,278	136,410,135	290,082,278
	<u>(48,374,142)</u>	<u>(113,459,868)</u>	<u>(47,799,759)</u>	<u>(113,116,482)</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada Penyata Kewangan ini.

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2013**

1 MAKLUMAT AM

(i) KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Universiti sepanjang tahun kewangan adalah untuk meningkatkan mutu pendidikan dalam usaha untuk melahirkan siswazah yang cemerlang demi memenuhi keperluan gunatena negara dan menjadi pusat kecemerlangan di bidang penyelidikan dengan penumpuan kepada aktiviti penyelidikan dan pembangunan.

Kegiatan utama Syarikat Subsidiari sepanjang tahun kewangan adalah menyediakan perkhidmatan makmal dan perundingan, kontrak penyelidikan dan pembangunan, perkhidmatan pengurusan, sewa kecil ruang pejabat dan peralatan serta perdagangan.

(ii) LOKASI KEGIATAN UTAMA

Kegiatan utama Universiti dijalankan di lokasi - lokasi berikut:

- (a) Kampus Induk di Minden, Pulau Pinang
- (b) Institut Perubatan dan Pergigian Termaju di Kepala Batas, Pulau Pinang
- (c) Kampus Kesihatan di Kubang Kerian, Kelantan
- (d) Hospital Universiti di Kubang Kerian, Kelantan
- (e) Kampus Kejuruteraan di Seberang Perai Selatan, Pulau Pinang

(iii) TARIKH PENYATA KEWANGAN DILULUSKAN

Penyata Kewangan telah diluluskan oleh Lembaga Gabenor Universiti dalam mesyuarat Lembaga yang bersidang pada 12 Mac 2014.

2 DASAR - DASAR PERAKAUNAN PENTING

Kesemua dasar-dasar perakaunan penting sepertimana yang dinyatakan di bawah adalah konsisten sepertimana yang diamalkan di dalam tahun-tahun yang lalu.

2.1 ASAS PENYEDIAAN

Penyata kewangan Universiti disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah, kecuali disebut sebaliknya di dalam penyataan dasar perakaunan sepertimana dinyatakan di bawah. Penyata kewangan Universiti juga disediakan selaras dengan peruntukan yang telah ditetapkan oleh Akta Universiti dan Kolej Universiti dan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

2.2 PENYATUAN

Penyata kewangan kumpulan meliputi semua kumpulan wang Universiti dan Syarikat Subsidiarinya yang disediakan pada setiap akhir tahun kewangan. Penyata kewangan Syarikat Subsidiari diambilkira dalam penyata kewangan yang disatukan dari tarikh kawalan bermula secara efektif sehingga ke tarikh kawalan tamat. Kaedah untuk menyatukan akaun Universiti dengan akaun Syarikat Subsidiari ialah dengan menggunakan kaedah pengambilalihan.

Perbezaan antara kos pengambilalihan dan nilai saksama aset Syarikat Subsidiari pada tarikh pengambilalihan akan dilunaskan kepada akaun pendapatan dan perbelanjaan pada tahun pengambilalihan.

2.3 PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Sebuah Syarikat Subsidiari adalah syarikat di mana Universiti mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang melebihi 50%. Pelaburan dalam Syarikat Subsidiari dinyatakan pada kos dan akan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara. Penurunan nilai pelaburan tersebut dikenakan kepada penyata pendapatan .

2.4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai terkumpul kecuali bagi tanah milik bebas.

Tanah yang diberi oleh kerajaan diambilkira pada nilai RM1.00 setiap lot.

Bangunan yang diberi oleh kerajaan dipermodalkan pada nilai nominal sebanyak RM100.00 setiap bangunan.

Aset tetap yang berharga RM3,000.00 dan ke atas bagi setiap unit dipermodalkan.

Pembaikan bangunan yang kosnya melebihi RM300,000.00 akan dipermodalkan.

Susutnilai atas hartanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos setiap aset di sepanjang anggaran hayat kegunaannya.

Tanah milik bebas tidak dilunaskan. Tanah pegangan pajakan dilunaskan samarata di sepanjang baki tempoh pajakan.

Kadar susutnilai tahunan yang digunakan untuk hartanah, loji dan peralatan lain adalah seperti berikut:

Infrastruktur dan Kemudahan	5%
Bangunan atas tanah milik bebas	5%
Bangunan atas tanah pajakan	5%
Pengubahsuaian	10%
Perabot dan Kelengkapan	12% - 33 1/3%
Kenderaan	20%
Alatan	20%
Tanah Pajakan	Tempoh Pajakan

Susutnilai bagi hartanah, loji dan peralatan dikenakan kepada Kumpulan Wang masing - masing.

Apabila petunjuk penurunan nilai wujud, maka nilai dibawa aset ditaksir dan diturunkan dengan serta merta kepada jumlah yang boleh dikutip semula.

2.5 KERJA DALAM KEMAJUAN

Kerja dalam kemajuan meliputi bangunan yang sedang didirikan dan aset lain yang belum disempurnakan. Susutnilai tidak dikenakan ke atas kerja dalam kemajuan.

Kos pembinaan dipindahkan ke Hartanah, Loji dan Peralatan yang berkenaan apabila sekurang-kurangnya Sijil Perakuan Tamat Kerja dikeluarkan dan dipersetujui oleh kedua-dua pihak. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada Hartanah, Loji dan Peralatan berkenaan dalam tahun berkenaan.

2.6 PELABURAN JANGKA PANJANG

Pelaburan Jangka Panjang dinyatakan pada kos, pelaburan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat daripada penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara dan penurunan nilai pelaburan dikenakan kepada penyata pendapatan.

2.7 PELABURAN DALAM HARTANAH PAJAKAN

Pelaburan dalam hartanah pajakan terdiri daripada tanah dan bangunan pajakan yang dipegang bertujuan untuk potensi pelaburan semula atau penyewaan. Pelaburan hartanah dinyatakan pada kos dan dipegang untuk tujuan pelaburan jangka panjang.

2.8 PELABURAN JANGKA PENDEK

Pelaburan Jangka Pendek dinyatakan pada kos. Pelaburan diturunkan nilainya apabila terjadi kerugian akibat penurunan nilai pelaburan yang bukan bersifat sementara dan penurunan nilai tersebut dikenakan kepada penyata pendapatan. Saham Bonus yang diterima akan diambilkira pada RM1.00 seunit.

2.9 INVENTORI

Inventori ubat-ubatan, alat guna habis dan bahan kimia dinyatakan pada kos. Kos ditentukan secara kaedah purata wajaran.

Inventori kad elektronik dinyatakan pada nilai terendah di antara kos dan nilai boleh realisasi bersih. Kos ditentukan secara kaedah masuk - dahulu - keluar - dahulu (FIFO). Kos Inventori termasuk kos pembelian asal dan kos lain yang boleh dikenalpasti untuk membawa inventori ke lokasi dan dalam keadaan semasanya.

2.10 PENGHUTANG

Penghutang dibawa ke dalam akaun adalah pada jangkaan nilai yang boleh direalisasikan. Hutang yang dikenalpasti sebagai lapuk akan dilupuskan. Elaun untuk hutang ragu akan dibuat untuk hutang yang telah dikenalpasti sebagai ragu berdasarkan kepada penyemakan akhir tahun ke atas hutang lama yang berusia melebihi 1 tahun dan belum dapat dipungut.

Bagi hutang pinjaman pelajar, elaun hutang ragu akan dibuat untuk baki pinjaman yang masih tertunggak pada tahun kedua selepas peminjam menjadi graduan.

Bagi Syarikat Subsidiari, elaun hutang ragu spesifik dibuat untuk hutang yang telah dipertimbangkan dan dijangka tidak akan dipungut.

Jumlah yang kemudiannya dapat dipungut balik akan dikira sebagai pendapatan.

2.11 PERJANJIAN SEWA BELI

Hartanah, loji dan peralatan yang diperolehi di bawah perjanjian sewa beli dipermodalkan pada kos pembelian dan disusutnilaikan mengikut asas yang sama seperti dinyatakan di Nota 2.4. Tanggungan tertunggak berkaitannya yang perlu dibayar di bawah sewa beli selepas pengurangan caj pembiayaan dimasukkan sebagai tanggungan dalam penyata kewangan. Caj pembiayaan diperuntukkan dalam penyata pendapatan sepanjang tempoh perjanjian.

2.12 PENCUKAIAN TERTUNDA

Pencukaian tertunda dikira mengikut kaedah liabiliti berhubung dengan semua perbezaan masa yang penting kecuali dijangkakan dengan munasabah bahawa kesan pencukaian tertunda tersebut akan berterusan dalam masa depan yang boleh dijangkakan. Faedah pencukaian tertunda hanya diiktiraf apabila terdapat jangkaan realisasi yang munasabah pada masa depan yang terdekat.

2.13 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

- (i) Pemberian kerajaan diakaunkan atas asas akruan selaras dengan kandungan perjanjian pemberian geran kerajaan untuk Belanja Mengurus dan diambilkira dalam Penyata Pendapatan.
- (ii) Pemberian untuk projek - projek penyelidikan E-Science diakaunkan di dalam Kumpulan Wang Penyelidikan E-Science.
- (iii) Pemberian untuk Belanja Pembangunan yang diterima untuk membiayai kos projek modal pembangunan dikreditkan kepada akaun Geran Pembangunan Kerajaan. Amaun dalam akaun ini diagihkan kepada Kumpulan Wang Pembangunan secara purata lurus ke atas jangka masa projek berkenaan.
- (iv) Yuran Universiti diiktiraf berasaskan asas akruan.
- (v) Pendapatan daripada perkhidmatan diiktiraf apabila perkhidmatan selesai disempurnakan.
- (vi) Pendapatan daripada jualan barangan diiktiraf apabila barangan selesai dihantar.
- (vii) Pendapatan daripada kontrak penyelidikan dan pembangunan diiktiraf mengikut kaedah peratusan penyiapan. Sebarang kerugian yang dijangka akan diiktiraf sejauh mana yang boleh ditentukan.
- (viii) Keuntungan atas simpanan secara Islam diiktiraf berdasarkan asas tunai.
- (ix) Pendapatan dividen diiktiraf apabila hak untuk menerima pendapatan tersebut diperolehi.

Pendapatan dividen:

- (a) Pendapatan dikreditkan ke Kumpulan Wang yang berkenaan sekiranya pelaburan dan simpanan tetap diperuntukkan khas untuk Kumpulan Wang tertentu.
- (b) Pendapatan diambilkira sebagai pendapatan Universiti bagi pelaburan dan simpanan tetap yang tidak dikhaskan untuk Kumpulan Wang tertentu.
- (x) Sewa diiktiraf berdasarkan asas akruan selaras dengan perjanjian yang telah dipersetujui di antara pihak Universiti dan penyewa.
- (xi) Sumbangan diiktiraf apabila pendapatan itu diterima.
- (xii) Tuntutan bayaran balik mungkir perjanjian diiktiraf apabila surat tuntutan dikeluarkan.

2.14 LIABILITI CUKAI PENDAPATAN

Universiti Sains Malaysia adalah dikecualikan dari cukai pendapatan atas pendapatannya di bawah Perenggan 13 Jadul 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

2.15 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada simpanan tetap, baki wang di bank dan tunai dalam tangan.

2.16 INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan yang dinyatakan di dalam Lembaran Imbangan termasuk simpanan tetap di bank - bank berlesen, baki dalam tunai dan di bank, penghutang dan pemiutang. Kaedah pengiktirafan yang digunapakai telah dinyatakan di dalam penyata polisi perakaunan yang berkaitan dengan setiap item yang terlibat.

2.17 MANFAAT PEKERJA

(i) Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial diambilkira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Universiti juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun berikutnya sebagai liabiliti manfaat pekerja jangka pendek.

(ii) Pelan Caruman Tetap

Universiti membuat caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi staf yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) bagi staf yang memilih skim pencen. Caruman tersebut diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

(iii) Manfaat Pekerja Jangka Panjang

